

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**KEPIMPINAN TRANSFORMASI, ETIKA KERJA ISLAM, DAN
TINGKAH LAKU KERJA INOVATIF DI SEKTOR AWAM:
PEMERKASAAN PSIKOLOGI SEBAGAI PENGANTARA**

RINA DARMA SURYA



**DOCTOR OF PHILOSOPHY
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2019**

**KEPIMPINAN TRANSFORMASI, ETIKA KERJA ISLAM, DAN
TINGKAH LAKU KERJA INOVATIF DI SEKTOR AWAM:
PEMERKASAAN PSIKOLOGI SEBAGAI PENGANTARA**



UUM
Oleh
RINA DARMA SURYA
Universiti Utara Malaysia

**Tesis yang diserahkan kepada
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business,
Universiti Utara Malaysia,
untuk Memenuhi bagi Ijazah Doktor Falsafah**

Kebenaran Merujuk

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan pengurniaan Ijazah Doktor Falsafah daripada Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya dengan ini bersetuju membenarkan pihak perpustakaan Universiti Utara Malaysia mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya juga bersetuju bahawa sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik perlulah mendapat kebenaran daripada Penyelia Tesis atau Dekan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business terlebih dahulu. Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penyelidik dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika rujukan terhadap tesis ini dilakukan.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan tesis ini sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya hendaklah dipohon melalui:



Dekan
Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok
Kedah Darul Aman
Malaysia

Abstrak

Kajian ini menyelidik hubungan antara kepemimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif dalam konteks sektor awam di Kerajaan Aceh, Indonesia. Kajian ini turut meneliti kesan penyederhanaan etika kerja Islam dan kesan pemeraksanaan psikologi sebagai pengantara ke atas hubungan antara kepemimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif. Kajian ini didorong oleh dapatan yang tidak tekal dalam kajian lepas tentang hubungan antara kepemimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif. Ketidaktekalan dapatan ini mencetuskan aliran penyelidikan baharu yang menunjukkan kepentingan untuk mengkaji kesan pemboleh ubah yang berpotensi dalam menjelaskan sesuatu hubungan. Justeru, bagi tujuan tersebut, kajian ini telah mengambil teori yang berbeza termasuk teori kepemimpinan transformasi, teori kontingensi, dan model kognitif pemeraksanaan untuk memetakan dan memposisikan hubungan antara pemboleh ubah dalam kerangka konsep. Sebanyak 281 borang soal selidik telah dihantar secara langsung kepada pengurus pertengahan di Kerajaan Negeri Aceh, Indonesia melalui pembantu penyelidik untuk tujuan pengumpulan data. Daripada 281 soal selidik yang diedarkan, sebanyak 244 diterima dan hanya 225 soal selidik yang dapat digunakan untuk dianalisis dengan menggunakan PLS-SEM. Ini menunjukkan kadar maklum balas sebanyak 80%. Manakala hubungan langsung dan tidak langsung antara pemboleh ubah dianalisis dengan menggunakan analisis pemodelan persamaan berstruktur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kepemimpinan transformasi mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan tingkah laku kerja inovatif. Walau bagaimanapun, etika kerja Islam tidak berperanan sebagai pemboleh ubah penyederhana dalam hubungan antara kepemimpinan transformasi dengan tingkah laku kerja inovatif. Seterusnya, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa pemeraksanaan psikologi berperanan sebagai pengantara dalam hubungan antara kepemimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif. Akhir sekali, kajian ini juga membincangkan tentang implikasi dapatan kajian, batasan kajian, dan arah tuju bagi kajian pada masa akan datang.

Kata Kunci: Kepimpinan Transformasi, Etika kerja Islam, Pemeraksanaan Psikologi, Tingkah laku Kerja Inovatif, pengurus pertengahan, sektor awam.

Abstract

This study investigated the relationship between transformational leadership and innovative work behavior in the context of the public sector of the Aceh government in Indonesia. It also examined the moderating effect of Islamic work ethics and the mediating effect of psychological empowerment on the relationship between transformational leadership and innovative work behavior. The study was motivated by the inconsistent findings in the literature on the relationship between transformational leadership and innovative work behavior. These inconsistencies led to a new stream of research that indicated the importance of examining the effect of potential moderating variables that could clarify such a relationship. For this purpose, the study took different theories into consideration including the transformational leadership theory, the contingency theory and the cognitive model of empowerment in order to map and position the potential relationships between the variables within the conceptual framework. A total of 281 questionnaires were sent directly to the middle managers of the government of Aceh, Indonesia, through research assistants that had agreed to participate in this study for data collection. However, only 244 questionnaires were returned and only 225 were deemed usable for actual data analysis using PLS-SEM, representing a response rate of 80 %. The direct and indirect relationships between the variables were analyzed using the structural equation model analysis. The findings showed that transformational leadership positively and significantly predicted innovative work behaviors. Meanwhile, Islamic work ethics did not moderate the relationship between transformational leadership and innovative work behavior. Furthermore, the result of the mediation test showed that psychological empowerment mediated the relationship between transformation leadership and innovative work behavior. Implications of the findings, potential limitations and directions for future research are discussed.

Keywords: Transformational leadership, Islamic work ethics, psychological empowerment, middle manager, public sector.

Penghargaan

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan rahmatnya tesis ini telah dapat disempurnakan. Kejayaan dalam penulisan ini disebabkan oleh kerjasama, bantuan, dan bimbingan pelbagai pihak. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W dan keluarga serta para sahabat Baginda.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada ketiga-tiga penyelia saya, Prof. Rushami Zien Yusoff, Assoc. Prof. Dr. Azahari Ramli dan Dr. Munauwar Mustafa di atas semua tunjuk ajar, khidmat nasihat dan sokongan sepanjang proses penyelidikan dan penulisan tesis ini.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang pengajian saya. Pihak-pihak ini termasuk Universiti Utara Malaysia, Kolej Perniagaan UUM, serta staf-staf akademik yang terlibat dalam penyelidikan ini kerana sokongan dan bantuan yang diberi sepanjang pengajian PhD saya, dan kepada Kerajaan Aceh di atas bantuan kewangan yang diberi menerusi Hadiah Biasiswa LPSDM (Lembaga Pengembangan Sumber Daya Manusia).

Penghargaan dan ucapan terima kasih kepada arwah ibunda tersayang, Lastimaniar binti Abdul Latief, arwah Ayahanda tercinta Nyak Agus, BA Bin Beduhani atas dorongan, galakan dan nasihat yang diberikan. Buat suami tercinta, Bardansyah Ali, S.IP., M.Si. bin M. Djamali, serta anak-anakku tersayang, Rifdah Afifah Bardan, Muhammad Amrullah Ali, dan Lathifa Bardan atas kesabaran yang diberikan bagi menyudahkan tesis juga amat dihargai. Seluruh keluarga besar yang berada di Simeulue, Meulaboh, Banda Aceh dan Pekanbaru, terutama adinda Masriyanti, Sri Gustini, dan T. Nazaruddin Diwarna yang telah sabar menjaga dan membimbing anak-anak saya, terima kasih di atas segala doa dan sokongan yang diberikan untuk saya meneruskan pengajian hingga ke penghujungnya.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakan-rakan yang sama-sama mengharungi pahit manis pengajian Ph.D, Ida Sosiawani, Fifi Yusmita, Ibu Sri Mulyani, Muhammad Zen, Mulyagus, FitriSal, Syahrial, Fadlian Syahputra, Sabela Gayo, Pn Rafidah Mahayuddin, Etri Ernovianti, Sarina Ismail, Noor Syakirah, Ahzila Wahid, Noraida Adila, Asna, Ika Indrawaty Hamzah, Enc. Rozy & keluarga, kumpulan UUM Aceh Planner, kumpulan PG Indonesia, dan kumpulan RZY, serta rakan-rakan lainnya yang tidak dapat disebut satu persatu, terima kasih di atas segala cadangan, perbincangan, nasihat dan dorongan di sepanjang proses penyelidikan ini. Sokongan kalian amat dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih yang tidak terhingga. Hanya Allah S.W.T. yang dapat membalasnya. Terima kasih semua.



Isi Kandungan

BAB SATU PENGENALAN	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar belakang.....	1
1.2 Pernyataan Masalah	7
1.3 Persoalan Kajian.....	14
1.4 Objektif Kajian.....	14
1.5 Kepentingan Kajian.....	15
1.5.1 Kepentingan Teori.	15
1.5.2 Kepentingan pengurusan.....	16
1.6 Skop Kajian.....	16
1.7 Definisi Terma	18
1.8 Susun Atur Tesis	20
BAB DUA ULASAN KESUSTERAAN	22
2.0 Pengenalan	22
2.1 Tingkah laku Kerja Inovatif.....	22
2.1.1 Pengkonsepan Tingkah laku Kerja Inovatif.....	22
2.1.2 Kajian lepas tentang perilaku kerja inovatif	Error! Bookmark not defined.
2.2 Kepimpinan Transformasi.....	27
2.2.1 Pengkonsepan kepimpinan transformasi.....	27
2.2.2 Hubungan empirik antara kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif.....	31
2.3 Etika kerja Islam	33
2.3.1 Pengkonsepan etika kerja Islam	33
2.3.2 Etika kerja Islam sebagai penyederhana dalam hubungan di antara kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif	35
2.4 Pemeraksanaan Psikologi	41
2.4.1 Pengkonsepan Pemeraksanaan Psikologi	41

2.4.2	Pemeriksaan psikologi sebagai pengantara dalam hubungan di antara kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif	56
2.5	Asas Pembangunan Kerangka Konseptual.....	59
2.5.1	Teori Kepimpinan Transformasi.....	61
2.5.2	Teori Kontingensi	63
2.5.3	Model Kognitif Pemeriksaan	63
2.6	Kerangka Konseptual Kajian	65
2.7	Pembentukan Hipotesis Kajian	67
2.7.1	Hubungan diantara kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif.....	68
2.7.2	Pengaruh etika kerja Islam sebagai penyederhana ke atas hubungan kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif	68
2.7.3	Pemeriksaan psikologi sebagai pengantara dalam hubungan kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif	71
BAB TIGA	METODOLOGI KAJIAN	74
3.0	Pengenalan	74
3.1	Reka Bentuk Kajian	74
3.1.1	Dimensi Waktu	76
3.2	Kaedah Pensampelan	77
3.3	Pengumpulan Data	81
3.4	Pembangunan Instrumen.....	81
3.4.1	Definisi Operasi Konstruk	82
3.4.2	Kesahihan dan Kebolehpercayaan Instrumen	95
3.5	Teknik Penganalisaan Data	96
3.5.1	Statistik Deskriptif	96
3.5.2	Statistik Inferensi	97
3.6	Kajian Rintis	99
3.7	Kesimpulan	102
BAB EMPAT	ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN	104
4.0	Pengenalan	104
4.1	Kadar Maklum Balas.....	105

4.2 Pengimbasan Data dan Analisis Permulaan.....	106
4.2.1 Analisis <i>Missing Value</i>	107
4.2.2 Penilaian <i>outliers</i>	108
4.2.3 Ujian Normaliti	110
4.2.4 Ujian Multikolineariti	111
4.3 Ujian <i>Common Method Variance</i>	112
4.4 Profil Demografi Responden.....	114
4.5 Analisis Deskriptif Pemboleh ubah.....	116
4.6 Penilaian Model Laluan PLS-SEM.....	117
4.7 Penilaian Keputusan Model Pengukuran PLS-SEM (<i>Measurement Model</i>)	118
4.7.1 Step 1: Penilaian Kebolehpercayaan Ketekalan Dalam (Internal <i>Consistency Reliability</i>)	120
4.7.2 Step 2: Penilaian Kesahan Konvergen (<i>Convergent Validity</i>).....	121
4.7.3 Step 3: Penilaian Kesahan Diskriminan (<i>Discriminant Validity</i>)	123
4.8 Penilaian Keputusan Model Struktural PLS-SEM.....	126
4.8.1 Step 1: Penilaian Kolineariti.	127
4.8.2 Step 2: Kesignifikan pekali laluan	129
4.8.3 Step 3: Penilaian pekali penentuan / Varians Pemboleh ubah Endogen (R^2).....	130
4.8.4 Step 4: Penentuan Kesan Saiz (f^2).....	131
4.8.5 Step 5: Penilaian Relevansi Ramalan (Q^2).....	132
4.8.6 Step 6: Penentuan kesan saiz q^2	134
4.8.7 Step 7: Penilaian kesan pengantara.....	135
4.8.8 Step 8: Analisis kesan penyederhana	138
4.9 Ringkasan Dapatan.....	139
4.10 Ringkasan.....	139
BAB LIMA PERBINCANGAN, KESIMPULAN, DAN CADANGAN.....	140
5.0 Pengenalan	140
5.1 Ringkasan Umum Kajian	140
5.2 Perbincangan	143

5.2.1 Kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif (Objektif Kajian 1).....	143
5.2.2 Kesan penyederhana etika kerja Islam terhadap hubungan kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif (Objektif 2)	146
5.2.3 Kesan pengantara pemeraksanaan psikologi dalam hubungan antara kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif (Objektif 3)	147
5.3 Implikasi Kajian	149
5.3.1 Implikasi Teori.....	150
5.3.2 Implikasi Pengurusan.....	150
5.4 Limitasi Kajian dan Cadangan untuk Kajian Susulan.....	152
5.5 Kesimpulan	153
RUJUKAN	155
LAMPIRAN.....	188
Lampiran 1 Senarai Taburan Organisasi dan Responden	189
Lampiran 1A Surat Pengiring Pengumpulan Data.....	191
Lampiran 1B Surat Pengumpulan Data	192
Lampiran 2A Soalselidik Kajian (Bahasa Inggeris).....	193
Lampiran 2B Soalselidik Kajian (Bahasa Indonesia).....	200
LAMPIRAN 3 Senarai Nama Ahli Akademik.....	207
Lampiran 4 Profil Demografi Responden	208
Lampiran 5 Analisis G-Power.....	211
Lampiran 6 VIF.....	212
Lampiran 7 Ujian Normaliti.....	213
Lampiran 8 Kajian Rintis (Pls-Algorithm Dan Pls Bootstrap)	215
Lampiran 9 Hasil Penilaian <i>Common Method Bias</i> (CMV)	217

Senarai Jadual

Jadual 1.1 Kedudukan daya saing beberapa Negara ASEAN Tahun 2016 dan 2017.....	4
Jadual 1.2 Kedudukan Indeks Inovasi Global beberapa Negara ASEAN Tahun 2015-2018 .5	
Jadual 3.1 Huraian Item Soalan Tingkah laku Kerja Inovatif (TLKI)	86
Jadual 3.2 Huraian Item Soalan Kepimpinan Transformasi (KT)	87
Jadual 3.3 Huraian Item Soalan etika kerja Islam (EKI).....	90
Jadual 3.4 Huraian Item Soalan Pemeraksanaan Psikologi (PP)	93
Jadual 3.5 Kaedah Penganalisaan Data	98
Jadual 3.6 Konstruk Kebolehpercayaan dan Kesahan (n=30)	101
Jadual 3.7 Kolerasi Pemboleh ubah Pendam (Latent Variable Correlations)	102
Jadual 4.1 Kadar Sambutan Borang Soal Selidik	106
Jadual 4.2 Keputusan Ujian Skewness dan Kurtosis.....	111
Jadual 4.3 Ujian Multikolineariti	112
Jadual 4.4 Maklumat Demografi Responden	115
Jadual 4.5 Analisis Deskriptif Terhadap Pemboleh ubah	117
Jadual 4.6 Hasil Ringkasan Model Pengukuran	122
Jadual 4.7 Kolerasi Pemboleh ubah Pendam (Latent Variable Correlations)	124
Jadual 4.8 Jadual Muatan Silang (Cross Loading).....	125
Jadual 4.9 Penilaian Kolineariti	128
Jadual 4.10 Keputusan ujian kesignifikan pekali laluan model strutural	130
Jadual 4.11 Variance Explained dalam Pemboleh ubah Pendam Endogen	131
Jadual 4.12 Kesan saiz Pemboleh ubah Pendam Menurut Cadangan Cohen (1988).....	132
Jadual 4.13 Hasil Penilaian Relevansi Ramalan (Predictive Relevance).....	133
Jadual 4.14 Keputusan Kesan saiz untuk predictive relevance Q2	135
Jadual 4.15 Dapatan Analisis Pengantara dalam PLS-SEM	137
Jadual 4.16 Variance Accounted For (VAF) dan Pengujian Hipotesis	137
Jadual 4.17 Keputusan Hipotesis Pemboleh ubah Penyedehana Etika kerja Islam	138
Jadual 4.18 Ringkasan Dapatan.....	139
Jadual 5.1 Perhubungan antara Objektif Kajian, Persoalan Kajian, Hipotesis Kajian, dan Nombor Para Perbincangan,	142

Senarai Rajah

Rajah 2.1 <i>Rangka kerja pemeraksanaan individu dan pasukan yang bersepadu. (Seibert, et al., 2011).</i>	53
Rajah 2.2 <i>Model Kognitif Pemeraksanaan</i>	65
Rajah 2.3 <i>Kerangka konseptual kajian</i>	66
Rajah 4.1 <i>Boxplot Sebelum Digantikan Nilai Min</i>	109
Rajah 4.2 <i>Boxplot Selepas Digantikan Nilai Min</i>	110
Rajah 4.3 <i>Proses Dua-Tahap Penilaian Bersistem Model Laluan PLS</i>	118
Rajah 4.4 <i>Model Pengukuran</i>	119
Rajah 4.5 <i>Prosedur Penilaian Model Struktural</i>	127
Rajah 4.6 <i>Pekali laluan dan p-Value Model Struktural PLS</i>	129
Rajah 4.7 <i>Prosedur Blindfolding Model Struktural PLS</i>	134
Rajah 4.8 <i>Prosedur Analisis Mediator oleh Hair et al. (2014)</i>	136



Glosari

Etika kerja Islam	<i>Islamic Work Ethic</i>
Kepimpinan Transformasi	<i>Transformational Leadership</i>
Keratan Rentas	<i>Cross Sectional</i>
Pemboleh ubah Bersandar	<i>Dependent variable</i>
Pemboleh ubah Eksogen	<i>Exogenous Variable</i>
Pemboleh ubah Endogen	<i>Endogenous Variable</i>
Pemboleh ubah Pengantara	<i>Mediator Variable</i>
Pemboleh ubah Penyederhana	<i>Moderator Variable</i>
Pemboleh ubah Tak Bersandar	<i>Independent Variable</i>
Pemeriksaan Psikologi	<i>Psychological Empowerment</i>
Pengantara separa	<i>Partial mediation</i>
Pengurus Pertengahan	<i>Middle Manager</i>
Persampelan Kebarangkalian	<i>Probability Sampling</i>
Persampelan Rawak Mudah	<i>Simple Random Sampling</i>
Ralat piawai pekali	<i>standard errors of the coefficient</i>
Sektor Awam	<i>Public Sector</i>
Sisihan piawai	<i>Deviation standard</i>
Teori Kontingensi	<i>Contingency Theory</i>
Tingkah laku Kerja Inovatif	<i>Innovative Work Behavior</i>
Model Kognitif Pemeriksaan	<i>Cognitive Model of Empowerment</i>

Senarai Nama Singkatan

AVE	<i>Average Variance Extracted</i>
CMV	<i>Common Method Variance</i>
CR	<i>Composite Reliability</i>
f ²	<i>Effect Size</i>
PLS	<i>Partial Least Square</i>
PLS-SEM	<i>Partial Least Square Structural Equation Modelling</i>
Q ²	<i>Construct Crossvalidated Redundancy</i>
RI	<i>Republik Indonesia</i>
R ²	<i>R-squared values</i>
SKPD	<i>Satuan Kerja Pemerintah Daerah</i>
SMARTPLS	<i>Smart Partial Least Square</i>
SEM	<i>Structural Equation Modelling</i>
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
VIF	<i>Variance Inflated Factor</i>

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Bab ini bermula dengan latar belakang kajian di Seksyen 1.1, diikuti dengan pernyataan masalah dalam Seksyen 1.2, persoalan kajian dan objektif kajian pada Seksyen 1.3 dan 1.4. Beberapa kepentingan kajian akan dibincangkan dalam Seksyen 1.5. Manakala Seksyen 1.6 akan meliputi skop kajian. Ini diikuti dengan definisi terma dalam Seksyen 1.7. Dan bab ini diakhiri dengan susun atur tesis dalam Seksyen 1.8.

1.1 Latar belakang

Inovasi di sektor awam adalah topik yang sangat penting bagi pengurus awam kerana jangkaan terhadap agensi kerajaan meningkat (Lewis, Ricard, & Klijn, 2018). Perhatian kepada inovasi dalam sektor awam ini dicerminkan dengan adanya peningkatan jumlah artikel ilmiah mengenai topik inovasi (Bekkers & Tummers, 2018; de Vries, Bekkers, & Tummers, 2016). Hal ini selari dengan Osborne dan Brown (2011) dan Walker (2014) yang menyatakan bahawa para sarjana dan pengamal semakin berminat dalam inovasi di sektor awam.

Seterusnya Bekkers dan Tummers (2018) juga mengatakan bahawa inovasi dalam sektor awam meningkat dalam agenda pengurus awam dan ahli politik, serta syarikat, organisasi masyarakat dan rakyat. Inovasi diperlukan untuk menangani

cabaran-cabaran masyarakat yang besar seperti isu-isu populasi penduduk menua yang semakin meningkat, pengangguran, perubahan iklim, pemulihan kawasan bandar, mengubah sistem tenaga menjadi sistem yang kurang bergantung kepada sumber fosil, atau kemungkinan dan ancaman yang berkaitan dengan pengenalan teknologi baru. Pada masa yang sama, organisasi-organisasi ini bergelut dengan belanjawan yang semakin kecil, dimana sebahagiannya disebabkan oleh krisis ekonomi baru-baru ini. Memandangkan kerumitan tersebut, cabaran-cabaran ini tidak dapat diselesaikan dengan bergantung kepada pendekatan standard (Hartley, Sørensen, & Torfing, 2013; Sørensen & Torfing, 2011; Walker, 2014) dan, oleh itu, organisasi awam semakin digesa untuk berinovasi: untuk membangun dan mengadopsi amalan-amalan baru yang berkurang dengan masa lalu (de Vries et al., 2016; de Vries, Tummers, & Bekkers, 2018; Osborne & Brown, 2011). Bahkan juga Kerajaan cuba menangani masalah seperti ini dengan mencari kerjasama dengan pihak berkepentingan lain, seperti syarikat, rakyat dan organisasi masyarakat (Sørensen & Torfing, 2011).

Seterusnya, Damanpour dan Schneider (2008) menyatakan bahawa ramai yang merangkumi idea mengenai inovasi boleh menyumbang kepada peningkatan kualiti perkhidmatan awam serta mempertingkatkan kapasiti penyelesaian masalah organisasi kerajaan dalam menangani cabaran masyarakat. Sering kali, inovasi sektor awam dikaitkan dengan pergerakan pembaharuan seperti Pengurusan Awam Baru (NPM) (Pollitt & Bouckaert, 2011), kerajaan elektronik (Bekkers & Homburg, 2005), perubahan dari kerajaan ke tadbir urus (Rhodes, 1996) dan, paling baru,

perbincangan tentang peranan kerajaan yang undur dalam '*Big Society*' (Lowndes & Pratchett, 2012).

Terdapat persetujuan global mengenai peranan inovasi dalam pembangunan sebuah negara, organisasi, dan perniagaan (GII, 2013). Memandangkan persekitaran yang semakin tidak stabil dan perubahan dalam teknologi yang tidak dapat diduga, Smith dan Tushman (2005) menyatakan bahawa inovasi memainkan peranan kritikal dalam dunia yang sangat berdaya saing dan berteknologi maju seperti yang ada sekarang ini. Manakala Porter (1990) pula menegaskan bahawa daya saing sesebuah negara terletak kepada kemampuan sesebuah industri untuk berinovasi dan menaik taraf. Keupayaan sesuatu bangsa menguasai ilmu pengetahuan akan menentukan daya saing sesebuah negara di mana ia juga mempengaruhi inovasi produk dan perkhidmatan (Ancok, 2012).

Dalam konteks ini, Indonesia masih mempunyai kedudukan daya saing yang rendah berbanding dengan beberapa negara jiran. Ini dapat dilihat pada Jadual 1.1 yang merupakan hasil kaji selidik *Global Competitiveness Report* dari forum *World Economic* yang berpusat di Geneva semenjak tahun 2001, di mana pada tahun 2017, Indonesia berada pada kedudukan 36 berbanding dengan negara-negara jiran yang lain.

Jadual 1.1

Kedudukan daya saing beberapa Negara ASEAN Tahun 2016 dan 2017

NEGARA	KEDUDUKAN 2017	SKOR	KEDUDUKAN 2016	PERUBAHAN
Singapura	3	5.71	2	-1
Malaysia	23	5.17	25	2
Thailand	32	4.72	34	2
Indonesia	36	4.68	41	5
Filipina	55	4.36	57	2
Vietnam	56	4.35	60	4

(Sumber: Schwab, 2017)

Berdasarkan Jadual 1.1, kedudukan daya saing Indonesia dari tahun 2016-2017 menunjukkan peningkatan yang lebih baik dari kedudukan 41 pada tahun 2016 kepada kedudukan 36 pada tahun 2017. Namun demikian, daya saing Indonesia masih berada di kedudukan yang lebih rendah dari Thailand (32), Malaysia (23) dan Singapura (3) (Schwab, 2017).

Selain dari itu, berdasarkan *Global innovation Index* tahun 2015-2018, kedudukan inovasi Indonesia sepanjang 4 (empat) tahun terakhir, tahun 2015-2018, selalu lebih rendah kedudukannya dibandingkan dengan negara ASEAN lainnya, iaitu Filipina, Vietnam, Thailand, Malaysia dan Singapura seperti yang terlihat pada Jadual 1.2 berikut ini.

Jadual 1.2

Kedudukan Indeks Inovasi Global beberapa Negara ASEAN Tahun 2015-2018

NEGARA	KEDUDUKAN			
	2018	2017	2016	2015
Singapura	5	7	6	7
Malaysia	35	37	35	37
Vietnam	45	47	59	47
Thailand	44	51	52	51
Filipina	73	73	74	73
Indonesia	85	87	88	87

(Sumber: GII, 2015-2018)

Kajian mengenai inovasi perlu dikaji dalam pelbagai konteks. Para penyelidik telah menyeru supaya lebih banyak pengkonteksan (*contextualization*) dalam kajian organisasi dilakukan kerana konteks penyelidikan yang berbeza dapat memberikan dapatan yang lebih dinamik (Rousseau & Fried, 2001). Dengan menekankan pentingnya konteks, hasil meta-analisis Damanpour (1991) pula mencadangkan bahawa peluang dan ancaman dalam persekitaran kepada pelbagai jenis organisasi dapat menjadi faktor penentu dan penyederhana yang boleh mempengaruhi paras inovasi (seperti industri, sektor, struktur atau strategi). Oleh itu, konsep konteks dalam kajian inovasi masih perlu dikaji agar tidak terjadi kesan yang akan membawa kepada ketidakseimbangan yang seterusnya akan mengarah kepada generalisasi hasil yang tidak sesuai (Rousseau & Fried, 2001). Yang dimaksud dengan konteks dalam kajian adalah konteks sektor awam.

Selain dari itu, kajian-kajian inovasi terdahulu juga mencadangkan perlunya kajian inovasi yang mengetengahkan analisis di peringkat individu. Sebahagian besar dari usaha penyelidikan oleh penyelidik terdahulu lebih cenderung kepada inovasi di peringkat organisasi (King & West, 1987; West, 1987). Ini menyebabkan wujudnya jurang pengetahuan (*knowledge gap*) tentang inovasi di peringkat individu dalam organisasi iaitu pekerja. Sebagaimana Kondalkar (2007) mengemukakan bahawa individu adalah komponen utama dari organisasi apapun yang harus dikelola. Dan Scott dan Bruce (1994) pula menyatakan bahawa inovasi dalam sesebuah organisasi dimulai dari sebuah idea, dan idea muncul, dibawa dan dimodifikasi oleh individu. Walau bagaimanapun, Inovasi oleh pekerja (individu) adalah salah satu cara terbaik untuk menggalakkan inovasi dan kejayaan organisasi (Mytelka & Smith, 2002; Van de Ven, 1986). Selari dengan itu, Bos-Nehles, Bondarouk, dan Nijenhuis (2017) menyatakan bahawa tingkah laku kerja inovatif pekerja adalah penting untuk prestasi dan kelangsungan organisasi awam dan sering dikatakan sebagai penentu kejayaan organisasi. Selain itu, Conger dan Kanungo (1987) serta Scott dan Bruce (1994) pula menyatakan bahawa tingkah laku kerja inovatif merupakan upaya tingkah laku individu untuk mencapai inovasi organisasi atau kumpulan. Individu yang dimaksud dalam kajian ini adalah individu pengurus pertengahan sektor publik pada kerajaan Aceh di Indonesia.

Berdasarkan pernyataan-pernyataan tadi, jelas menunjukkan bahawa kajian inovasi terutama tingkah laku kerja inovatif mempunyai ruang yang perlu diselidiki menerusi kajian ini. Dalam konteks tersebut, kajian ini menjadikan pekerja di sektor awam sebagai lapangan kajian memandangkan wujudnya keperluan yang tinggi

untuk pekerja di sektor awam berinovasi dalam pekerjaan masing-masing. Pada bahagian berikutnya akan diperincikan pernyataan masalah kajian untuk penyelidikan ini.

1.2 Pernyataan Masalah

Tingkah laku kerja inovatif ditakrifkan mengikut Janssen (2000), Scott dan Bruce (1994), Farr dan West (1990) sebagai tindakan pekerja yang ditujukan kepada penjana, penerapan dan pelaksanaan sesuatu idea, produk, proses dan kaedah kerja baru bagi jawatannya, unit jabatan, atau organisasi. Organisasi yang memiliki pekerja yang bertingkah laku inovatif akan menguntungkan organisasi tersebut disebabkan ianya dapat menggalakkan inovasi di organisasinya melalui idea-idea baru, produk baru, proses dan kaedah baru yang ia lahirkan, terapkan, dan laksanakan dalam jawatannya, unit jabatan, atau organisasi yang pada akhirnya dapat meningkatkan prestasi organisasi (Bos-Nehles et al., 2017). Prestasi kerajaan di Indonesia diukur secara dasarnya melalui penyampaian perkhidmatan sosial asas di mana peningkatan penyampaian perkhidmatan secara berterusan merupakan satu manifestasi yang jelas bagi tadbir urus yang baik dalam memacu pembangunan manusia, kerajaan tempatan perlu bersaing dengan pelbagai cabaran dan kekangan (*The Local Governance Support Program*, 2009). Untuk itu, Kerajaan Indonesia, pada tahun 2014, mula mengadakan pertandingan inovasi perkhidmatan awam bagi merangsang kemunculan inovator dari pelbagai agensi, untuk mendorong terciptanya inovasi perkhidmatan awam sehingga penyelenggaraan perkhidmatan awam menjadi lebih inovatif dan terjadi peningkatan pada kualiti perkhidmatan awam. Ini adalah manifestasi dari program "*One Agency One Innovation*" yang mewajibkan

setiap Kementerian dan Institusi serta Kerajaan Tempatan untuk mewujudkan sekurang-kurangnya satu inovasi setiap tahun.

Seterusnya, semangat agensi untuk mengikuti pertandingan ini sentiasa meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 2014, terdapat 515 inovasi yang dipertandingkan, dan pada tahun 2015 meningkat kepada 1,184 inovasi, manakala pada tahun 2016, jumlah peserta meningkat kepada 2,476 inovasi. Selanjutnya, Timbalan Perkhidmatan Awam, Diah Natalisa, mendedahkan dalam pertandingan pada tahun 2017, terdapat 3,054 inovasi perkhidmatan awam yang didaftarkan untuk ikut pertandingan di tingkat nasional. Bahkan, Timbalan Perkhidmatan Awam Kementerian Pembaharuan Pentadbiran dan Pembaharuan Birokrasi, Mirawati Sudjono, menyampaikan bahawa pada tahun 2015, dua inovasi Indonesia berjaya memenangi anugerah dalam pertandingan Perkhidmatan Awam PBB (*United Nation Public Service, UNPSA*) dalam kategori: *Improving the Delivery of Public Services* dan *Promoting Whole of Government Approaches in the Information Age*.

Walau bagaimanapun, perkhidmatan yang diberikan kerajaan tempatan kepada masyarakat masih lagi kerap dikeluhkan. Hal ini dapat dilihat dari semakin meningkatnya aduan masyarakat berkaitan dengan prestasi kerajaan tempatan yang masuk ke Ombudsman Republik Indonesia. Pada tahun 2015, Ombudsman Republik Indonesia telah menerima sejumlah 6,859 aduan (Putra, 2017). Bilangan aduan telah meningkat dengan ketara kepada hampir 11,000 pada tahun 2016 (Putra, 2017). Namun, pada tahun berikutnya, Ombudsman telah mencatatkan 7,999 aduan (Tashandra, 2017). Malah pihak akbar Kompas tahun 2017 memaparkan jujukan terhadap perkhidmatan yang diperoleh oleh Ombudsman iaitu melaporkan bahawa

terdapat sebanyak 1,714 aduan penyimpangan prosedur, sebanyak 1,355 aduan tidak menyediakan perkhidmatan, sebanyak 802 aduan kesilapan pentadbiran yang tidak kompeten, dan sebanyak 666 aduan tentang penyalahgunaan kuasa, serta tuduhan permintaan wang ganjaran, barangan dan perkhidmatan sebanyak 605 aduan (Tashandra, 2017).

Berdasarkan literatur, tingkah laku kerja inovatif dipengaruhi oleh beberapa faktor dan salah satunya ialah kepimpinan. Mengikut Amabile (1998) serta Mumford dan Gustafson (1988) menyatakan bahawa kepimpinan merupakan salah satu dari faktor pendorong inovasi. Selain itu, beberapa penyelidik mendapati bahawa pemimpin mempunyai kesan psikologi ke atas tingkah laku kerja inovatif individu (Boerner, Eisenbeiss, & Griesser, 2007; Eisenbeiss & Boerner, 2010; Janssen, 2000; Lee, 2008; Michaelis, Stegmaier & Sonntag, 2010).

Di samping itu, Jung, Wu, dan Chow (2008) menyatakan bahawa kepimpinan adalah faktor yang paling penting bagi tingkah laku inovatif. Bahkan Ancok (2012) menyatakan bahawa gaya kepimpinan akan menentukan tahap inovasi yang dihasilkan. Beberapa pengkaji dalam bidang kepimpinan juga berhujah bahawa tidak semua gaya kepimpinan memberi kesan yang sama terhadap kreativiti atau inovasi organisasi (Jung, Chow, & Wu, 2003; Mumford, Scott, Gaddis, & Strange, 2002; Tichy & Devanna, 1990).

Selepas carian literatur yang intensif bagi menentukan peramal yang paling penting kepada tingkah laku kerja inovatif, didapati bahawa kepimpinan transformasi merupakan anteseden terbesar kepada tingkah laku kerja inovatif (Kang, 2013).

Selaras dengan ini, Lee (2008) juga mengatakan bahawa kepimpinan transformasi merupakan gaya kepimpinan yang paling penting dibandingkan dengan gaya kepimpinan yang lain dalam menentukan tingkah laku kerja inovatif. Ini juga disokong oleh Gong, Huang, dan Farh (2009), Oke, Munshi, dan Walumbwa (2009), Pieterse, van Knippenberg, Schippers dan Stam (2010), serta Shin dan Zhou (2003) yang mencadangkan bahawa kepimpinan transformasi adalah sangat berkesan dalam meningkatkan tingkah laku inovatif pekerja.

Selain dari itu, terdapat juga beberapa kajian lepas yang telah mengkaji hubungan kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif. Misalnya kajian seperti Aryee, Walumbwa, Zhou, dan Hartnell (2012), Afsar, Badir, dan Bin Saeed (2014), Choi, Kim, Ullah, dan Kang (2016), Nusair, Ababneh, dan Bae (2012), Rank, Nelson, Allen, dan Xu (2009), Reuvers, Van Engen, Vinkenbunrg, dan Wilson-Evered (2008), dan Sharifirad (2013). Dapatan kajian-kajian ini mendapati bahawa hubungan antara kepimpinan transformasi dengan tingkah laku kerja inovatif adalah bersifat positif dan signifikan.

Dalam konteks yang berbeza, terdapat juga dapatan kajian yang menunjukkan keputusan yang bertentangan dengan kajian-kajian yang disebutkan tadi. Di antaranya adalah dapatan kajian yang dilakukan oleh Basu dan Green (1997), Kahai, Sosik, dan Avolio (2003), Gong et al. (2009), Lee (2008), Pieterse et al. (2010), serta Shin dan Zhou (2003). Ini menunjukkan bahawa hubungan antara kepimpinan transformasi dengan tingkah laku kerja inovatif masih lagi tak tekal dan masih memerlukan kajian tambahan. Selain itu, beberapa pengkaji (seperti Afsar et al, 2014; Gong et al., 2009; Jung et al., 2003) menyatakan bahawa kajian berkenaan

bagaimana kepemimpinan transformasi mempengaruhi tingkah laku kerja inovatif pekerja masih perlu dikaji. Oleh itu, kajian ini merupakan salah satu usaha untuk memahami fenomena hubungan di antara kepemimpinan transformasi dengan tingkah laku kerja inovatif di samping mengisi jurang penyelidikan mengenai hubungan antara keduanya.

Dari sudut yang lain pula, terdapat juga dapatan dari kajian yang lepas yang tak tekal apabila menerangkan hubungan antara kepemimpinan transformasi dengan tingkah laku kerja inovatif. Mengikut pendapat Baron dan Kenny (1986), jika terdapat hubungan yang tak tekal diantara dua pemboleh ubah, penggunaan pemboleh ubah penyederhana adalah dicadangkan. Gong et al. (2009) pula mencadangkan keperluan untuk mengkaji dengan lebih mendalam berkenaan mekanisma untuk lebih menjelaskan hubungan kepemimpinan transformasi terhadap tingkah laku kerja inovatif. Menurut kajian itu, terdapat keperluan untuk mengenal pasti penyederhana dan/atau pengantara yang berpotensi untuk memberikan pemahaman yang lebih baik ke atas hubungan kepemimpinan transformasi dengan tingkah laku kerja inovatif. Maka dalam kajian ini pengkaji memutuskan akan menambahkan satu pemboleh ubah penyederhana (*moderator*) untuk lebih menerangkan hubungan kepemimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif. Fokus sedemikian terhadap penyederhana dalam hubungan kepemimpinan-inovasi juga konsisten dengan pendekatan kontingensi dalam penyelidikan kepemimpinan yang lebih umum, yang berpendapat bahawa keberkesanan tingkah laku kepemimpinan bergantung kepada faktor-faktor dalam konteks kepemimpinan (misalnya, Charbonnier-Voirin, El Akremi, & Vandenberghe, 2010; Michaelis, Stegmaier, & Sonntag, 2010)

Sebagaimana Hopkins, O'Neil dan Williams (2007) telah menyatakan bahawa tingkah laku beretika merupakan salah satu isu penting dalam penyelidikan kepimpinan. Memandangkan kajian ini dilakukan di wilayah Aceh yang merupakan sebuah negeri yang menjalankan syariat Islam dalam kehidupan masyarakat seharian dan menjalankan adat istiadat yang juga berpandukan syariat Islam. Penghargaan atas keistimewaan Aceh dengan syariat Islam itu dijelaskan di dalam Undang-Undang (UU) Nombor 44 Tahun 1999 yang menjelaskan kebebasan Aceh untuk mengatur kehidupan masyarakat bersesuaian dengan ajaran Islam. Mengambil kira corak sosial budaya masyarakat Aceh yang mana Islam merupakan agama rasmi, kajian ini akan menekankan etika kerja Islam sebagai pemboleh ubah penyederhana dalam hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut.

Berdasarkan pada kajian yang lepas, beberapa pemboleh ubah penyederhana telah digunakan dalam melihat hubungan di antara kepimpinan dan tingkah laku kerja inovatif, seperti *job insecurity* (Hakimian, Farid, Ismail, & Ismail, 2014), pemerksaan psikologi (Pieterse et al., 2010), jantungina (Reuvers et al., 2008), dan *Organization-based self-esteem* (Rank et al., 2009). Walau bagaimanapun, berdasarkan sorotan literatur, kajian berkenaan etika kerja Islam sebagai pemboleh ubah penyederhana antara kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif adalah terhad. Terdapat kajian yang hampir serupa yang dilakukan oleh Yousef (2001) serta Kumar dan Che Rose (2012) di mana mereka menggunakan etika kerja Islam sebagai penyederhana dalam kajian mereka. Namun, Yousef (2001) misalnya, mengkaji etika kerja Islam dalam konteks hubungan komitmen organisasi dan kepuasan kerja manakala Kumar dan Che Rose (2012) pula melihatnya melalui

hubungan *knowledge sharing* dan kemampuan inovasi. Tambahan pula, kajian lepas yang mengkaji etika kerja Islam sebagai penyederhana hubungan antara kepimpinan transformasi dengan tingkah laku kerja inovatif di sektor awam belum lagi ditemui.

Selain etika kerja Islam sebagai pemboleh ubah penyederhana, penyelidik mendapati perlunya mengenalpasti pemboleh ubah pengantara untuk lebih meningkatkan pemahaman tentang hubungan antara kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif. Berdasarkan pada kajian lepas, beberapa pemboleh ubah dikenal pasti sebagai pemboleh ubah pengantara dalam hubungan antara gaya kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif. Antaranya seperti *meaningfulness*, *responsibility*, dan *work engagement* (Aryee et al., 2012), *knowledge sharing* (Choi et al., 2016), *active emphathetic listening* dan *percieved psychological safety* (Sharifirad, 2013), *entrepreunerial climate* dan *etreprerunerial passion* (Kang, 2013), serta *leader member exchange* (Lee, 2008).

Seterusnya, Wong dan Laschinger (2013) menyarankan kajian lebih lanjut untuk mengeksplorasi pemerksaan psikologi sebagai pemboleh ubah pengantara hubungan antara gaya kepimpinan dan hasil kerja. Seibert, Wang, dan Courtright, (2011) menambah bahawa kepimpinan dan tingkah laku kerja inovatif masing-masing adalah anteseden dan kesan kepada pemboleh ubah pemerksaan psikologi. Oleh kerana terdapat kajian yang terhad yang menggabungkan keseluruhan konstruk ini secara bersama, satu model komprehensif yang dapat menggabungkan kepimpinan transformasi, etika kerja Islam, pemerksaan psikologi dan tingkah laku kerja inovatif diperlukan khususnya dalam konteks sektor awam.

Oleh itu, kajian ini adalah salah satu usaha untuk mengurangkan jurang penyelidikan mengenai hubungan antara kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif. Ringkasnya, matlamat utama kajian ini adalah untuk memberikan bukti empirikal baru mengenai hubungan antara kepimpinan transformasi dengan tingkah laku kerja inovatif, di samping memahami peranan etika kerja Islam sebagai pemboleh ubah penyederhana dan pemeraksanaan psikologi sebagai pemboleh ubah pengantara dalam hubungan kepimpinan transformasi dengan tingkah laku kerja inovatif. Persoalan kajian dan objektif kajian akan di bincangkan pada bahagian seterusnya.

1.3 Persoalan Kajian

1. Adakah terdapat hubungan antara kepimpinan transformasi dengan tingkah laku kerja inovatif di sektor awam di kerajaan Aceh?
2. Adakah terdapat kesan penyederhana etika kerja Islam terhadap hubungan antara kepimpinan transformasi dengan tingkah laku kerja inovatif di sektor awam di kerajaan Aceh?
3. Adakah terdapat kesan pengantara pemeraksanaan psikologi terhadap hubungan antara kepimpinan transformasi dengan tingkah laku kerja inovatif di sektor awam di kerajaan Aceh?

1.4 Objektif Kajian

Secara amnya kajian ini bertujuan memperkembangkan lagi pengetahuan yang berkaitan dengan kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif dalam kerajaan tempatan. Oleh itu objektif khusus kajian ini adalah:

1. Mengenal pasti hubungan di antara kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif di sektor awam di kerajaan Aceh.
2. Mengenal pasti kesan penyederhana etika kerja Islam terhadap hubungan kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif di sektor awam di kerajaan Aceh.
3. Mengenal pasti kesan pengantara pemeraksanaan psikologi terhadap hubungan kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif di sektor awam di kerajaan Aceh.

1.5 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini dilihat dapat menyumbang kepada dua aspek, iaitu aspek teori dan pengurusan.

1.5.1 Kepentingan Teori.

Pada peringkat teori, masih terdapat kekurangan penyelidikan empirikal mengenai tingkah laku kerja inovatif baik dalam sektor swasta mahupun sektor awam. Sementara itu, dalam literatur menyatakan pentingnya tingkah laku kerja inovatif bagi organisasi sektor awam, terdapat penyelidikan yang terhad pada tingkah laku kerja inovatif individu dalam organisasi awam sehingga sebenarnya tidak banyak diketahui tentang tingkah laku kerja inovatif pekerja sektor awam (Rainey, 1999). Oleh itu, kajian ini mengkaji pemboleh ubah di peringkat individu dan mengisi celah yang ada di literatur inovasi.

Kajian seperti ini dapat memberikan sumbangan yang besar kepada dunia akademik disebabkan belum lagi ditemui sebarang kajian yang menfokuskan tentang hubungan antara kepimpinan transformasi dengan tingkah laku kerja inovatif individu pengurus pertengahan organisasi di kerajaan tempatan. Oleh itu, kajian ini sedikit banyak dapat mengemukakan bukti empirikal tentang wujud ataupun tidak hubungan tersebut walaupun pengkaji lain telah menemukan hubungan yang positif antara gaya kepimpinan yang lainnya dengan tingkah laku kerja inovatif pekerja (seperti Aryee et al., 2012; Hakimian et al., 2014; Yidong & Xinxin, 2013).

1.5.2 Kepentingan pengurusan

Pada peringkat pengurusan, kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat dalam usaha meningkatkan tingkah laku kerja inovatif pengurus pertengahan organisasi di kerajaan tempatan. Ianya diharapkan akan memberi kesan kepada peningkatan prestasi organisasi di sektor awam khususnya kerajaan tempatan. Selain itu, dapatan kajian ini diharapkan juga dapat membantu para pengurus pertengahan dalam meningkatkan kecekapan kepimpinan transformasi mereka, sehingga dapat meningkatkan tingkah laku kerja inovatifnya yang pada akhirnya akan memberikan sumbangan yang lebih besar terhadap peningkatan kualiti perkhidmatan awam, penciptaan inovasi dalam perkhidmatan awam, serta peningkatan prestasi kerajaan di masa hadapan.

1.6 Skop Kajian

Penyelidikan ini hanya terhad ke atas empat pemboleh ubah kajian iaitu kepimpinan transformasi, pemeraksanaan psikologi, etika kerja Islam, dan tingkah laku kerja

inovatif. Kajian ini dilaksanakan di Kerajaan Aceh-Indonesia, yang akan menjadi skop kajian ini. Kajian ini dilakukan hanyalah di Kerajaan Aceh sahaja kerana Kerajaan Aceh boleh mewakili kerajaan-kerajaan lain di Indonesia. Hal ini didasarkan pada Undang-undang Nomor 32 Tahun 2004 yang menyatakan bahawa seluruh Kerajaan Daerah (Pemerintahan Daerah) yang ada di Indonesia adalah pelaksanaan hal ehwal kerajaan yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat, perkhidmatan awam, dan daya saing daerah.

Pengurus pertengahan dalam kajian ini didefinisikan sebagai seorang pekerja yang berada pada tahap pertengahan dalam sebuah unit organisasi yang menguruskan dan mengarahkan sekurang-kurangnya seorang pengurus bawahan dan / atau beberapa orang staf, dan melaporkan kepada pengurus yang lebih tinggi (peringkat atas) dalam unit organisasi. Tugas seorang pengurus pertengahan biasanya termasuk menjalankan arahan-arahan strategik pengurus peringkat atas, mengawasi pengurus dan pekerja bawahan untuk memastikan kegiatan organisasi dilakukan sebagaimana yang termaktub dalam polisi dan matlamat organisasi.

Kajian ini juga mengkaji hubungan antara kepimpinan transformasi sebagai pemboleh ubah tak bersandar dan tingkah laku kerja inovatif sebagai pemboleh ubah bersandar. Kajian ini pula memberi tumpuan pada peningkatan tingkah laku kerja inovatif di kalangan kerja pengurus pertengahan di Kerajaan Negeri Aceh melalui gaya kepimpinan transformasi yang mana etika kerja Islam sebagai pemboleh ubah penyederhana dan pemeraksanaan psikologi sebagai pemboleh ubah pengantara. Alasan untuk fokus pada wilayah Aceh sebagai konteks kajian ini kerana secara geografis sebahagian besar masyarakat di Aceh adalah beragama Islam yang

memiliki potensi berkembang dalam meningkatkan nilai-nilai Islam yang diterapkan dalam kegiatan sehari-hari mereka di kalangan pengurus pertengahan organisasi kerajaan tempatan. Potensi daripada pengurus pertengahan yang beragama Islam yang menjadi sumber dari Kerajaan Negeri Aceh diharapkan dapat lebih meningkatkan dalam penerapan nilai Islam di kalangan pengurus pertengahan organisasi.

Sementara itu, responden kajian adalah terdiri daripada pengurus pertengahan yang bekerja di Kerajaan Negeri Aceh, Indonesia. Pemilihan responden didasarkan pada pendapat Borins (2000) bahawa pengurus pertengahan (*middle manager*) adalah salah satu yang paling kerap memulakan inovasi di dalam suatu organisasi. Ditambah lagi, Jaques dan Clement (1991) menegaskan bahawa pengurus utama di tahap yang sepadan dengan kemampuan kognitif mereka adalah kunci untuk membuat inovasi organisasi. Kerana fokus kajian ini adalah untuk menguji pengaruh gaya kepimpinan transformasi terhadap tingkah laku kerja inovatif antara pengurus pertengahan di Kerajaan Aceh, individu merupakan unit analisis dalam kajian ini.

1.7 Definisi Terma

Definisi konsep dan operasi pemboleh ubah yang dibina ialah seperti berikut:

Tingkah laku kerja inovatif: Tingkah laku kerja inovatif didefinisikan sebagai tindakan pengurus pertengahan yang ditujukan kepada penjanaaan, penerapan dan pelaksanaan sesuatu idea-idea yang baru dan berguna mengenai produk, perkhidmatan, proses dan kaedah kerja bagi jawatannya, unit jabatan, atau organisasi dengan matlamat untuk meningkatkan prestasi organisasi.

Kepimpinan transformasi: Kepimpinan transformasi ditakrifkan sebagai satu proses mengubah atau “*transform*” diri pemimpin itu sendiri yang mana perubahan ini dilaksanakan oleh pemimpin dengan komponen utama kepemimpinan transformasi iaitu pengaruh ideal, motivasi inspirasi, rangsangan intelektual, dan pertimbangan individu.

Etika kerja Islam: Etika kerja Islam sebagai orientasi yang membentuk dan mempengaruhi penglibatan dan penyertaan orang yang patuh pada larangan dan suruhan Allah di tempat kerja.

Pemeriksaan psikologi: Pemeriksaan psikologi didefinisikan sebagai peningkatan dalam motivasi intrinsik yang menggambarkan orientasi seseorang terhadap peranan pekerjaannya yang digambarkan ke dalam empat elemen kognisi iaitu makna (*meaning*), efikasi sendiri (*competence/self-efficacy*), autonomi (*self-determination/autonomy*) dan kesan (*impact*). Makna adalah penyuaian antara keperluan peranan kerja dalam kepercayaan, nilai-nilai dan tingkah laku seseorang. Efikasi sendiri adalah keberkesanan diri yang khusus untuk kerja. Autonomi adalah rasa pilihan, yang mencerminkan autonomi. Sementara itu, kesan iaitu sebagai tahap dimana individu itu boleh mempengaruhi hasil strategik, pentadbiran, atau operasi di tempat kerja.

Pengurus Pertengahan: Pengurus pertengahan ditakrifkan sebagai seorang pekerja yang berada pada tahap pertengahan dalam sebuah unit organisasi yang menguruskan dan mengarahkan sekurang-kurangnya seorang pengurus bawahan dan

/ atau beberapa orang staf, dan melaporkan kepada pengurus yang lebih tinggi (peringkat atas) dalam unit organisasi.

1.8 Susun Atur Tesis

Keseluruhan tesis ini mengandungi enam bab.

Bab Satu – Bab ini menyediakan bab pengenalan kepada kajian dan mengandungi tajuk-tajuk besar seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi terma, dan ditamatkan dengan tajuk berkenaan susun atur tesis.

Bab Dua – Bab ini mengenai ulasan kesusteraan yang menerangkan segala bentuk maklumat yang perlu diketahui berkenaan dengan semua pemboleh ubah dalam kajian ini, seperti: definisi setiap pemboleh ubah kajian dan hubungan antara pemboleh ubah juga dibincangkan.

Bab Tiga – Bab ini membincangkan mengenai kerangka konsep kajian, asas pembangunan kerangka konseptual dan bagaimana kajian ini mengandaikan wujud hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji turut disertakan yang didasarkan pada literatur-literatur yang ada, sehingga sebuah senarai hipotesis telah dibangunkan. Bab ini juga memfokuskan kepada kaedah penyelidikan yang digunakan bagi mengoperasikan kajian ini yang merangkumi reka bentuk kajian, kaedah pensampelan, pengumpulan data, definisi operasional, pengukurannya, senarai instrumen kajian, dan analisa statistik serta kajian rintis.

Bab Empat – Bab ini membentangkan dapatan kajian yang diperolehi dari hasil pendedaran borang soal-selidik. Seterusnya, hasil dari analisis data statistik juga akan dibentangkan dalam bab ini.

Bab Lima – Bab ini mengulas perbincangan dan kesimpulan dari kajian dan implikasi mereka untuk penyelidikan dan pengamal yang berminat dalam topik ini. Akhirnya, bab ini memberikan implikasi kajian, limitasi kajian dan cadangan untuk penyelidikan masa hadapan.



BAB DUA

ULASAN KESUSTERAAN

2.0 Pengenalan

Pada dasarnya, tujuan dari bab ini adalah untuk secara kritis meninjau literatur yang relevan. Secara khusus, bab ini meninjau konsep penting pemboleh ubah bersandar tingkah laku kerja inovatif, pemboleh ubah tak bersandar kepimpinan transformasi, dan pemboleh ubah penyederhana etika kerja Islam serta pemboleh ubah pengantara pemeraksanaan psikologi. Objektif dari kerangka konsep kajian adalah untuk menentukan konsep kajian dan menerangkan hubungan antara pemboleh ubah. Oleh itu bab ini juga membincangkan kerangka konsep yang memberi tumpuan kepada hubungan antara empat (4) pemboleh ubah: kepimpinan transformasi, pemeraksanaan psikologi, etika kerja Islam, dan tingkah laku kerja inovatif. Pembentukan hipotesis kajian yang hendak diuji juga akan dibincangkan dibahagian ini.

2.1 Tingkah laku Kerja Inovatif

2.1.1 Pengkonsepan Tingkah laku Kerja Inovatif

Inovasi telah dianggap sebagai tingkah laku manusia sejak penyelidikan mengenai inovasi menyebar dari sains pentadbiran, komunikasi, dan antropologi kepada psikologi dan sosiologi pada tahun 1980an (Farr & west, 1990). Kerja psikologi pertama mengenai inovasi mencipta istilah "tingkah laku kerja inovatif". Walaupun berkait rapat dengan kreativiti pekerja, tingkah laku kerja inovatif menunjukkan

lebih dari kreatif. Bahkan, Miron, Erez, dan Naveh (2004) mendapati bahawa orang-orang kreatif tidak selalu sangat inovatif. Tingkah laku kerja inovatif bertujuan untuk menjana beberapa jenis manfaat dan mempunyai komponen gunaan yang lebih jelas (de Jong & den Hartog, 2007). Oleh itu, para penyelidik telah bersetuju bahawa tingkah laku kerja inovatif merangkumi kreativiti pekerja, iaitu penjanaan idea-idea baru dan berguna mengenai produk, perkhidmatan, proses dan prosedur (Amabile, 1988), dan pelaksanaan idea yang dicipta (Anderson, de Dreu, & Nijstad, 2004; Axtell, Holman, Unsworth, Wall, Waterson, & Harrington, 2000). Lebih khususnya, tingkah laku kerja inovatif terdiri dari satu set tingkah laku (de Jong & den Hartog, 2010; Janssen, 2000; Scott & Bruce, 1994) iaitu penerokaan peluang dan generasi idea termasuk mencari dan mengenali peluang untuk berinovasi dan menghasilkan idea-idea dan penyelesaian untuk peluang. Seterusnya, memperjuangkan merujuk kepada menggalakkan idea yang dihasilkan untuk tujuan mencari sokongan dan pembinaan gabungan. Akhir sekali, aplikasi membuat idea yang disokong benar-benar berlaku. Ia termasuk membangun, menguji, mengubah, dan mengkomersilkan idea itu.

Tingkah laku kerja inovatif boleh berkisar dari peningkatan bertahap (*incremental*) sampai kepada membangunkan idea-idea baru radikal yang mempengaruhi proses atau produk di organisasi (Axtell et al., 2000). Namun begitu, hal seperti ini hanya dapat dilakukan oleh pekerja yang bekerja di jabatan penyelidikan dan pembangunan yang dapat menyumbang sedemikian rupa, cadangan dan peningkatan skala yang lebih kecil adalah lebih biasa dan memberi perhatian kepada pekerja dari semua bidang (R&D).

Biasanya, tingkah laku kerja inovatif bukan bahagian dari pekerjaan biasa kebanyakan pekerja. Ia dikenali sebagai tingkah laku peranan tambahan (*extra-role*), yang merujuk kepada tingkah laku budi bicara yang tidak dinyatakan dalam penghuraian kerja (Katz & Kahn, 1978) tetapi masih mencuba untuk memberi manfaat kepada organisasi (Organ, Podsakoff, & MacKenzie, 2006). Tingkah laku kerja inovatif pekerja adalah penting dalam banyak prinsip pengurusan kontemporari, seperti peningkatan berterusan (Fuller, Marler, & Hester, 2006), kaizen (Imai, 1986), keusahawanan korporat (Shanna & Chrisman, 1999), dan program cadangan (Unsworth, 2001).

Didorong oleh andaian bahawa tingkah laku kerja inovatif menyumbang kepada *outcomes* (hasil), kebanyakan penyelidikan yang masih wujud mengenai tingkah laku kerja inovatif telah menumpukan pada mengenal pasti anteseden potensialnya. Definisi tingkah laku kerja inovatif

Farr dan West (1990) mendefinisikan tingkah laku kerja inovatif sebagai pengenalan idea, proses, produk atau prosedur secara sengaja dan penerapan dalam peranan, kumpulan atau organisasi. Manakala Scott dan Bruce (1994) pula telah mendefinisikan tingkah laku kerja inovatif sebagai kemampuan seorang pekerja untuk menggalakkan dan mencari idea-idea baru, dan mencuba untuk membina sokongan bagi pelaksanaan idea-idea ini. Sementara itu Janssen (2000) telah mentakrifkan tingkah laku kerja inovatif sebagai penciptaan yang disengajakan, pengenalan, dan penerapan idea-idea baru dalam peranan kerja, kumpulan, atau organisasi, untuk mendapat faedah prestasi peranan, kumpulan, atau organisasi. Di samping itu, de Jong dan Den Hartog (2007) mendefinisikan tingkah laku kerja inovatif sebagai

pengiktirafan masalah dan permulaan serta pengenalan yang sengaja (dalam suatu peranan, kumpulan, atau organisasi kerja) dari idea-idea yang baru dan berguna mengenai produk, perkhidmatan, dan kaedah kerja, serta set tingkah laku yang diperlukan untuk membangun, melancarkan, dan melaksanakan idea-idea ini dengan tujuan untuk meningkatkan personal dan / atau perniagaan. Tambahan lagi, Yuan dan Woodman (2010) mentakrifkan tingkah laku kerja inovatif pekerja sebagai pembangunan, penggunaan dan pelaksanaan idea-idea baru untuk produk, teknologi, dan kaedah kerja oleh pekerja (Yuan & Woodman, 2010). Bahkan yang paling baru, Bos-Nehles et al. (2017) memandang tingkah laku kerja inovatif sebagai semua tindakan individu yang diarahkan pada generasi, pemprosesan dan aplikasi / pelaksanaan idea-idea baru mengenai cara-cara melakukan sesuatu, termasuk idea-idea produk, teknologi, prosedur atau proses kerja yang baru dengan matlamat meningkatkan keberkesanan dan kejayaan organisasi.

Bersandarkan kepada Janssen (2000), Scott dan Bruce (1994), dan Farr dan West (1990), kajian ini mendefinisikan tingkah laku kerja inovatif sebagai tindakan pekerja yang ditujukan kepada penjanaaan, penerapan dan pelaksanaan sesuatu idea-idea yang baru, produk, proses dan kaedah kerja baru bagi jawatannya, unit jabatan, atau organisasi. Contoh tingkah laku tersebut termasuk mencari teknologi baru, mencadangkan strategi baru untuk mencapai matlamat, menggunakan kaedah kerja baru, dan memperoleh sokongan dan sumber untuk melaksanakan idea-idea sesuatu yang baru yang bermanfaat di sebarang peringkat organisasi.

Sebagaimana yang dijelaskan sebelumnya bahawa Scott dan Bruce (1994) serta Janssen (2000) menyatakan bahawa tingkah laku kerja inovatif merupakan tingkah

laku kompleks yang terdiri dari tiga *behavioral tasks*, iaitu, generasi idea (*idea generation*), promosi idea (*idea promotion*), dan realisasi idea (*idea realization*).

Generasi idea. Inovasi pada individu dimulai dengan penciptaan. Individu menemukan idea sebagai solusi dari masalah yang ada (Scott & Bruce, 1994). Idea tersebut boleh bersifat baru sama sekali (*novel*) ataupun adaptasi dari idea sebelumnya, yang mendatangkan manfaat (Amabile, 1988; Anderson et al., 2004; Kanter, 1988; Unsworth, 2001). Drucker (2014) menjelaskan bahawa beberapa hal yang boleh mendorong penemuan idea ini adalah masalah yang berhubungan dengan pekerjaan, ketakkongruenan, ketakselajaran, dan trend memuncul.

Promosi idea. Idea ini mengacu kepada aktiviti di mana individu mulai mempromosikan idea yang dimilikinya (Janssen, 2000). Ia mulai mencari dukungan dan membangun koalisi dalam merealisasikan idea yang dimilikinya (Scott & Bruce, 1994). Individu mulai terlibat dalam aktiviti sosial. Umumnya, individu mencari dukungan kepada mereka yang mampu menyediakan sumber daya atau kuasa untuk dapat merealisasikan ideanya (Janssen, 2000).

Realisasi idea. Idea ini merupakan aktiviti akhir dari proses inovasi yang melibatkan realisasi dari idea yang telah dipromosikan dengan cara menghasilkan model inovasi yang boleh dirasakan atau diaplikasi dalam lingkup pekerjaanya, kelompok, atau organisasi secara umum (Kanter, 1988). Realisasi idea ini seringkali dilengkapi oleh individu itu sendiri, manakala penyelesaian dari proses inovasi yang lebih kompleks cenderung memerlukan kerjasama pasukan berdasarkan pengetahuan, kompetensi, dan peranan kerja yang spesifik (Kanter, 1988).

2.2 Kepimpinan Transformasi

2.2.1 Pengkonsepan kepimpinan transformasi

Kebanyakan definisi kepimpinan melibatkan proses menggunakan pengaruh yang disengajakan atas orang untuk membimbing, menguruskan, dan memudahkan aktiviti dan hubungan dalam organisasi (Yukl, 2010). Sebagai contoh, Burns (1978) menjelaskan kepimpinan sebagai satu proses, bukan satu set tindakan diskret. Lebih khusus lagi, Rauch dan Behling (1984) menjelaskan kepimpinan sebagai proses mempengaruhi aktiviti-aktiviti sebuah kumpulan yang teratur ke arah visi dan / atau pencapaian tertentu. Diperlukan sedikit masa bagi pemimpin untuk mempengaruhi orang ke arah pencapaian matlamat, kerana kepimpinan memerlukan amanah, penglibatan, dan komitmen (Erez & Arad, 1986).

Yukl (2010) menyatakan bahawa kepimpinan adalah (a) proses mempengaruhi orang lain untuk memahami dan bersetuju tentang apa yang perlu dilakukan dan bagaimana untuk melakukannya, dan (b) proses memudahkan usaha individu dan kolektif untuk mencapai matlamat yang dikongsi bersama. Oleh itu, kepimpinan boleh digambarkan sebagai satu proses yang berpengaruh yang membawa orang untuk bekerjasama ke arah matlamat tertentu.

Tambahan lagi, cabaran asas yang dihadapi seorang pemimpin adalah bagaimana mendapatkan keuntungan dari potensi individu dan kemudian meningkatkannya sehingga menghasilkan inovasi organisasi dan keunggulan daya saing. Organisasi harus menarik, mempertahankan dan mengembangkan bakat-bakat kreatif jika mereka ingin tetap kompetitif. de Jong dan Den Hartog (2007) menerangkan

bahawa ada tiga gaya kepemimpinan yang berpengaruh pada inovasi dalam perusahaan iaitu, kepemimpinan transformasional, kepemimpinan partisipatif, dan leader-member exchange. Pemimpin seharusnya mempunyai kepercayaan bahawa manusia memiliki kemampuan untuk menjadi seorang inovator (Wheatley, 2002).

Tichy dan Devanna (1990) mendefinisikan kepemimpinan transformasi yang merangkumi perubahan, inovasi dan keusahawanan. Menurut mereka, kepemimpinan transformasi berkembang melalui mengenali keperluan pemulihan, mewujudkan visi baru dan perubahan institusi. Kepimpinan transformasi memperluas dan meningkatkan matlamatnya dan meyakinkan dirinya untuk melaksanakan sesuatu di luar jangkaan yang dinyatakan dalam perjanjian pertukaran yang tersurat atau tersirat" (Dvir, Eden, Avolio, & Shamir, 2002). Bersama-sama dengan definisi konsep ini, Bass (1985) mengenal pasti kepemimpinan transformasi terdiri dari empat faktor yang berbeza: pengaruh ideal, motivasi inspirasi, rangsangan intelektual, dan pertimbangan individu.

Pertama, pengaruh ideal merujuk kepada tingkah laku teladan berkarisma yang mendorongnya untuk mengenal pasti kepemimpinan dirinya (Eisenbeiss, van Knippenberg, & Boerner, 2008; Jansen, George, Van den Bosch, & Volberda, 2008). Kepimpinan transformasi dengan pengaruh ideal cenderung untuk mengutamakan keperluan pengikut lebih daripada mereka sendiri, berkongsi risiko yang berpotensi dengan pengikut mereka (Jung et al, 2008), dan berkhidmat sebagai model peranan untuk memberi motivasi dirinya dan pengikut bagi melaksanakan tugasnya di luar jangkaan (Bass, 1985). Menggunakan karisma, para pemimpin memupuk rasa hormat dan kesetiaannya dan menekankan kepentingan mempunyai satu visi kolektif

(Gumusluoglu & Ilsev, 2009b). Akibatnya, pemimpin transformasi dihormati dan dipercayai, dan menjadi contoh bagi kepemimpinannya (Eisenbeiss & Boerner, 2010; Jansen et al, 2008).

Kedua, motivasi inspirasi ditakrifkan sebagai sejauh mana pemimpin menyatakan dengan jelas visi yang menarik dan bertingkah laku dengan cara memberi motivasi orang di sekeliling mereka dengan memberikan makna dan cabaran kepada kerjanya (Jansen et al., 2008, p. 998). Dimensi ini mencerminkan bahawa pemimpin mencadangkan nilai kerjanya dengan menunjukkan satu visi kolektif untuk organisasi (Eisenbeiss et al, 2008; Jung et al, 2008). Motivasi inspirasi melibatkan penggunaan ekspresi emosi pemimpin, komunikasi imej yang meyakinkan, dan penyediaan contoh untuk meningkatkan keyakinan pengikutnya (Howell & Higgins, 1990). Dengan motivasi inspirasi, kepimpinan transformasi mengetahui cara untuk mencapai matlamat masa depan dan mempunyai kepercayaan diri terhadap pencapaian matlamat (Gumusluoglu & Ilsev, 2009a).

Ketiga, rangsangan intelektual merujuk kepada cara pemimpin transformasi mempersoalkan status quo, merayu kepada inteleknnya, merangsang dirinya untuk mempersoalkan andaian, dan menjemput penyelesaian inovatif dan kreatif untuk masalah. Akhirnya, pertimbangan individu merujuk kepada bimbingan dan mentor tingkah laku pemimpin transformasi (Eisenbeiss et al., 2008). Pemimpin transformasi dengan pertimbangan individu memberi perhatian kepada keperluan ahli-ahli individu dan menggalakkan mereka untuk berkongsi pendapat masing-masing (Bass, 1985).

Dengan cara ini, pemimpin-pemimpin membina hubungan interpersonal, memahami kemahiran dan aspirasinya, dan menghadiri untuk keperluan bagi pertumbuhan (Bass, Avolio, Jung, & Berson, 2003; Gumusluoglu & Ilsev, 2009b; Jansen et al., 2008). Oleh itu, pemimpin transformasi memenuhi keperluan emosi mereka (Bass, 1990).

Kepimpinan transformasi adalah salah satu konstruk yang paling kerap dikaji dalam domain kepimpinan; beberapa sarjana terkenal, seperti Bass (1985), Burns (1978), Weber (1947), dan Yukl (2010), telah menyediakan gambaran teori tentang gaya kepimpinan ini. Burns (1978) merupakan pelopor bagi teori kepimpinan transformasi. Teori Burns mempertahankan pendapat bahawa kepimpinan transformasi membantu untuk meningkatkan tahap motivasi dan semangat. Menurut Burns (1978), kepimpinan transformasi merujuk kepada satu proses di mana pemimpin meningkatkan semangat dan motivasi kepada tahap yang lebih tinggi. Bentuk kepimpinan, seperti yang dicadangkan oleh Burns (1978), memberi inspirasi untuk mengubah kepentingan diri ke arah kepentingan organisasi yang lebih besar (Bass, 1985; Elenkov & Manev, 2009; Howell & Higgins, 1990).

Burns (1978) merupakan pelopor bagi teori kepimpinan transformasi. Teori Burns mempertahankan pendapat bahawa kepimpinan transformasi merupakan proses di mana pemimpin berupaya untuk meningkatkan semangat dan motivasi ke tahap yang lebih tinggi. Berdasarkan kepada konsep kepimpinan transformasi Burns (1978), Bass (1985) membangunkan satu teori kepimpinan dalam konteks organisasi (Howell & Higgins, 1990). Menurut Bass (1985), pemimpin transformasi menyuarakan dan menyampaikan visi yang jelas, menunjukkan semangat dan

keghairahan terhadap visi, dan memberi inspirasi serta motivasi kepada pekerja untuk bekerja keras bagi mendapatkan visi itu. Secara ringkasnya, kepimpinan transformasi memerlukan pemimpin untuk memberi inspirasi kepada orang lain, dan mencipta visi kolektif (Burns, 1978). Pemimpin transformasi memberi inspirasi serta motivasi kepada dirinya untuk melaksanakan tugas pada tahap yang luar biasa (Bass, 1985). Kajian ini menggunakan definisi kepimpinan transformasi yang dinyatakan oleh Bass (1995) yang terdiri dari empat dimensi, iaitu, pengaruh ideal, motivasi inspirasi, rangsangan intelektual, dan pertimbangan individu.

2.2.2 Hubungan empirik antara kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif

Untuk beberapa dekad yang lalu, para sarjana kepimpinan telah berhujah bahawa tidak semua gaya kepimpinan mempunyai kesan sama pada kreativiti atau inovasi pekerja dalam organisasi (Jung et al., 2003; Mumford et al., 2002; Tichy & Devanna, 1990). Berdasarkan kajian literatur, kepimpinan transformasi menjadi faktor yang paling penting yang mempengaruhi tingkah laku inovatif (misalnya, Basu & Green, 1997; Lee, 2008; Pieterse et al., 2010), dan ditambah lagi, beberapa penyelidik yakin bahawa kepimpinan transformasi menggalakkan tingkah laku inovatif pekerja (Boerner et al., 2007; Conger & Kanungo, 1987; Eisenbeiss & Boerner, 2010; Lee, 2008; Michaelis et al., 2010). Hal ini disebabkan kerana kepimpinan transformasi, dari perspektif teori, menggalakkan kreativiti dan inovasinya lebih dari gaya kepimpinan yang lain (Church & Waclawski, 1998; Yammarino, Spangler, & Bass, 1993).

Beberapa sebab yang dicadangkan untuk menyokong andaian bahawa kepimpinan transformasi positif mempengaruhi tingkah laku kerja inovatif akan dijelaskan dalam empat ciri-ciri unik kepimpinan transformasi berikut. **Pertama**, pemimpin transformasi mempunyai visi yang tidak konvensional dan menarik serta berkhidmat sebagai model peranan berkarisma (pengaruh idealnya / *idealized influence*) untuk menjadi inovatif (Eisenbeiss & Boerner, 2010; Podsakoff, MacKenzie, Moorman, & Fetter, 1990). Begitu juga, Conger dan Kanungo (1987) menegaskan bahawa pemimpin transformasi secara peribadi terlibat dalam tingkah laku inovatif yang sering bertentangan dengan norma-norma konvensional (Keller, 1992). Oleh itu, kepimpinan transformasi meningkatkan pengenalan peribadinya dengan kepimpinannya dan menghasilkan hubungan emosi yang kuat. Pemimpin boleh mengubah identiti diri mereka dan, dengan itu, mereka akan bertingkah laku inovatif (Eisenbeiss & Boerner, 2010; Kark, Shamir, & Chen, 2003). **Kedua**, dengan menggunakan motivasi inspirasi (*Inspirational motivation*), pemimpin transformasi mampu mencetuskan kepercayaan dalam keupayaan mereka untuk melaksanakannya. Adalah mungkin bahawa pekerja yang sedar dan yakin dengan keupayaan mereka untuk berjaya melaksanakan kecekapan mereka, cenderung untuk mempamerkan tingkah laku kerja inovatif. **Ketiga**, Hater dan Bass (1988), Bass dan Avolio (1990) dan Bass (1990) ambil perhatian bahawa pemimpin transformasi mampu mendorong dirinya, melalui rangsangan intelektual (*intellectual stimulation*), untuk menilai semula masalah yang berpotensi dan persekitaran kerja mereka dari mana idea-idea inovatif boleh berkembang. Ditambah lagi, kepimpinan transformasi yang merangsang pemikiran intelektual, membantu pekerja berfikir diluar kotak (Wilson Evered, Hartel, & Neale, 2004). Dalam kaitannya, kepimpinan transformasi

merangsang tingkah laku kerja pekerja dan pekerja yang sedar secara intelektual mendedikasikan semua usaha mereka untuk kemakmuran organisasi (Kark et al., 2003). Juga, berfikir di luar kotak membawa tahap visi yang tinggi kepada organisasi, dan pekerja boleh menjadi komited untuk mencapai visi secara berkesan (Felfe & Goihl, 2002). Oleh itu, kepimpinan transformasi menggalakkan pekerja untuk menjadi inovatif manakala mencapai visi organisasi (Bass & Avolio, 1997; Geyer & Steyrer, 1998). Dan **Keempat**, sebagai seorang pemimpin transformasi menonjolkan kualiti individunya, sekaligus memberi penekanan kepelbagaian bakat, Adalah munasabah bahawa pertimbangan individu (*individualized consideration*) memulakan tingkah laku kerja inovatif.

2.3 Etika kerja Islam

2.3.1 Pengkonsepan etika kerja Islam

Etika adalah bidang normatif kerana menentukan apa yang harus dilakukan atau tidak dilakukan. Etika meliputi persoalan moral dan pilihan dan berhubungan dengan tingkah laku yang benar dan salah. Sekarang ini disadari bahawa yang menentukan tingkah laku beretika bukanlah hanya individu dan kelompok, tetapi juga sejumlah faktor lain yang berhubungan dari persekitaran budaya, organisasi, dan persekitaran luaran (Luthans, 2006). Banyak penyelidikan mengenai etika kerja dilakukan di barat, dengan fokusnya pada etika kerja protestan. Konsep etika kerja protestan diajukan oleh Weber (1958) yang merumuskan adanya hubungan kausal antara etika kerja protestan dengan pengembangan kapitalisma di masyarakat Barat. Dia menyatakan bahawa keyakinan Protestan Calvinistik memiliki dorongan

transformasi terhadap kapitalisme dan didasarkan pada andaian bahawa kesuksesan kerja dan kewangan adalah cara-cara untuk mencapai bukan saja tujuan peribadi tetapi juga tujuan agama, Weber juga memberikan penjelasan sosio psikologi hubungan antara protestanisme dengan kapitalisme. Dia membagi konsep etika kerja protestan ke dalam konsep keperluan prestasi yang dianggap sebagai dimensi dasar dari keperibadian (Yousef, 2000).

Etika kerja Islam menurut Beekun (1997) dapat didefinisikan sebagai satu set prinsip moral yang membezakan apa yang benar dari apa yang salah. Manakala menurut Ragab Rizk (2008), etika kerja Islam adalah orientasi terhadap pekerjaan dan bekerja sebagai pendekatan kebaikan dalam kehidupan manusia.

Etika kerja Islam menganggap dedikasi pada pekerjaan sebagai suatu kebaikan. Usaha yang memadai harus diberikan pada pekerjaan seseorang, yang dianggap sebagai kewajiban bagi orang yang mampu. Etika kerja Islam menekankan kerjasama dalam pekerjaan dan konsultasi dianggap sebagai cara mengatasi rintangan dan mengelakkan kekeliruan. Hubungan sosial di tempat kerja didorong dalam rangka memenuhi keperluan seseorang dan mencapai keseimbangan pada kehidupan individu dan sosial seseorang. Sebagai tambahan, pekerjaan dianggap sebagai sumber kebebasan dan sebagai cara untuk membantu pertumbuhan peribadi, menghargai diri, kepuasan dan pemenuhan diri. Etika kerja Islam menekankan pekerjaan kreatif sebagai sumber kebahagiaan dan prestasi. Kerja keras dianggap sebagai kebaikan dan orang yang bekerja keras lebih besar kemungkinan hidupnya maju, sebaliknya tidak bekerja keras dianggap menyebabkan kegagalan. Nilai pekerjaan di dalam etika kerja Islam dihasilkan dari keinginan yang menyertai,

bukannya dari hasil pekerjaan. Ali (1988) mengungkapkan bahawa keadilan dan kebaikan di tempat kerja adalah kondisi-kondisi yang diperlukan untuk kemakmuran masyarakat. Singkatnya, etika kerja Islam berpendapat bahawa hidup tanpa kerja tidak memiliki makna, dan keterlibatan di dalam aktiviti ekonomi adalah kewajiban. Nasr (1984), sebagai contoh, menyatakan bahawa etika kerja Islam memerlukan penyelidikan yang serius kerana ini merupakan nilai yang coba diwujudkan oleh kaum muslim.

Ali (1992) mentakrifkan etika kerja Islam adalah orientasi ke arah kerja. Sementara itu, menurut Nasr (1984), etika kerja Islam mencadangkan bahawa kerja adalah kebaikan yang sesuai dengan keperluan manusia dan keperluan untuk membina keseimbangan dalam kehidupan individu dan sosial seseorang. Dalam kajian lain, dicadangkan bahawa etika kerja Islam merupakan orientasi yang membentuk dan mempengaruhi penglibatan dan penyertaan orang yang patuh pada larangan dan suruhan Allah di tempat kerja (Ali & Al-Owaidan, 2008).

Oleh itu, kajian ini berpendapat definisi etika kerja Islam yang dipakai dalam kajian ini adalah seperti yang telah dicadangkan oleh Ali dan Al-Owaidan (2008). Definisi tersebut dianggap sebagai definisi operational bagi kajian ini.

2.3.2 Etika kerja Islam sebagai penyederhana dalam hubungan di antara kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif

Kajian yang dijalankan oleh Batool, Gul, & Shahzad (2013) di Pakistan mendedahkan bahawa etika kerja Islam menyederhanakan hubungan antara kepimpinan etika dan kepuasan kerja. Ini menunjukkan bahawa apabila etika kerja

Islam dan kepemimpinan etika berinteraksi antara satu sama lain mereka menyumbang kepada peningkatan kepuasan kerja pekerja. Batool et al. (2013) menerangkan ini dengan menyatakan bahawa kepemimpinan etika memberikan pekerja dengan etika kerja Islam yang tinggi suatu platform untuk berkembang kerana perasaan mereka lebih puas dengan kerja mereka. Begitu juga mereka melaporkan penting kesan gabungan kepemimpinan Etika dan etika kerja Islam terhadap komitmen organisasi pekerja dan menjelaskannya dengan menyatakan bahawa pekerja dengan etika kerja Islam yang tinggi memandang kepemimpinan etika sebagai peluang untuk berjaya dalam organisasi kerana yang mereka tunjukkan komitmen yang besar terhadap pekerjaan dan organisasi mereka.

Selanjutnya, Khan, Abbas, Gul, dan Raja (2013) menjalankan kajian di Pakistan mengenai kesan gabungan ke atas etika kerja Islam dan dua dimensi keadilan organisasi (keadilan distributif dan prosedur) dan melaporkan bahawa apabila etika kerja Islam diambil sebagai penyederhana ke atas hubungan antara keadilan distributif dan kepuasan kerja, nilai beta yang dihasilkan menjadi tidak penting, dengan itu membuktikan bahawa tidak ada kesan penyederhana yang berlaku ($\beta = -0.13, p > 0.06$). Sebaliknya, apabila etika kerja Islam diambil sebagai penyederhana ke atas hubungan keadilan prosedur dan kepuasan kerja, hubungan menjadi lebih lemah sebagaimana nilai beta berubah dari 19% hingga 18%, disebabkan oleh penyederhana etika kerja Islam ($\beta = 0.18, p < 0.05$). Mereka menjelaskan bahawa individu dengan tahap etika kerja Islam lebih tinggi berpuas hati dengan pekerjaan mereka dengan adanya keadilan prosedur yang tinggi, berbanding pekerja yang mempunyai etika kerja Islam rendah. Individu yang mempunyai tahap etika kerja

Islam yang tinggi sering menunjukkan kebimbangan yang lebih besar mengenai keadilan prosedur dalam organisasi dan merasa sangat puas ketika mereka melihat keadilan prosedur ada di organisasi. Bertentangan dengan ini, individu yang mempunyai tahap etika kerja Islam yang rendah merasa tidak selamat kerana adanya keadilan prosedur sebagaimana mereka mendapati ia berbahaya bagi kelangsungan hidup mereka dalam organisasi.

Khan et al. (2013) mengkaji kesan gabungan pada etika kerja Islam dan dua dimensi keadilan organisasi yang sama dan mendapati bahawa apabila etika kerja Islam diambil sebagai penyederhana ke atas hubungan keadilan distributif dan kecenderungan berhenti kerja, hubungan itu menjadi lemah dengan perubahan nilai beta dari -18% hingga 17%, yang disebabkan oleh penyederhana etika kerja Islam ($\beta = 0.17, p < 0.05$). Mereka berpendapat bahawa pekerja yang memiliki etika kerja Islam rendah, bertindak balas secara negatif terhadap kehadiran ketidakadilan distributif yang dirasakan, oleh sebab itu kecenderungan mereka untuk berhenti kerja meningkat. Walau bagaimanapun, pekerja yang mempunyai etika kerja Islam yang tinggi kurang dipengaruhi oleh persepsi ketidakadilan distributif. Sebaliknya, apabila etika kerja Islam diambil sebagai penyederhana ke atas hubungan keadilan prosedur dan kecenderungan berhenti kerja, hubungan menjadi lebih lemah kerana nilai beta berubah dari 7% hingga -19%, disebabkan oleh penyederhana etika kerja Islam ($\beta = -0.19, p < 0.05$).

Menurut mereka, individu yang mempunyai tahap etika kerja Islam yang tinggi tidak peduli akan meninggalkan organisasi dengan adanya keadilan prosedur, berbanding dengan individu yang mempunyai tahap etika kerja Islam yang rendah. Ini mungkin

kerana individu dengan etika kerja Islam yang rendah malas dan lebih memilih untuk tetap menganggur di tempat kerja (*jobless*). Di samping itu, mereka mungkin bergantung pada mendapatkan ganjaran melalui penggunaan politik dan cara lain. Oleh itu, individu-individu tersebut berasa tidak selesa dalam persekitaran di mana terdapat persepsi dari keadilan prosedur yang tinggi, seterusnya menunjukkan niat/kecenderungan yang tinggi untuk berhenti dari organisasi.

Khan et al. (2013) juga mengkaji peranan penyederhana etika kerja Islam ke atas hubungan keadilan organisasi dan hasil pekerja dan dilaporkan bahawa ketika etika kerja Islam diambil sebagai penyederhana ke atas hubungan keadilan distributif dan penglibatan kerja, nilai beta yang dihasilkan menjadi tidak signifikan, menyiratkan bahawa etika kerja Islam tidak menyederhanakan hubungan ($\beta = -0.10, p > 0.06$). Sebaliknya, apabila etika kerja Islam dibazirkan sebagai penyederhana ke atas hubungan keadilan prosedur dan kepuasan kerja, ia sedikit memperkuat hubungan kerana perubahan nilai beta dari 14% hingga 15%, yang disebabkan oleh penyederhana etika kerja Islam ($\beta = 0.15, p < 0.06$). Ini bermakna bahawa individu dengan orientasi etika kerja Islam yang tinggi cenderung lebih terlibat dalam pekerjaan mereka ketika keadilan prosedur tinggi, berbanding individu yang mempunyai orientasi etika kerja Islam yang rendah. Khan et al. (2013) menjelaskan bahawa individu yang mempunyai tahap etika kerja Islam yang tinggi menunjukkan lebih banyak penglibatan dalam pekerjaan mereka kerana adanya sistem prosedur yang adil tersebut kerana mereka sangat memperhatikan dengan keadilan prosedur dalam organisasinya.

Tambahan pula, Yousef (2001), dalam salah satu kajian terawal mengenai peranan penyederhana etika kerja Islam, melaporkan bahawa apabila etika kerja Islam diambil sebagai penyederhana ke atas hubungan positif kepuasan kerja dan komitmen organisasi, ia menguatkan hubungan; nilai beta meningkat dari 126% kepada 143% disebabkan oleh penyederhana etika kerja Islam ($\beta = 1.43$, $p < 0.01$). Dapatan ini menunjukkan bahawa adanya gabungan dari tahap kepuasan kerja dan etika kerja Islam yang tinggi adalah kunci untuk meningkatkan komitmen organisasi pekerja.

Sadozai, Marri, Zaman, Yousufzai, & Nas (2013) menjalankan penyelidikan mengenai impak penyederhana etika kerja Islam dalam sektor awam Pakistan dan mendapati bahawa apabila komitmen organisasi dan etika kerja Islam berinteraksi antara satu sama lain, kesan gabungan mereka terhadap kecenderungan berhenti kerja meningkat dari -40% hingga -45%, disebabkan oleh penyederhana etika kerja Islam ($\beta = -0.45$, $p = 0.000$). Ini menunjukkan bahawa apabila etika kerja Islam diambil sebagai penyederhana ke atas hubungan negatif komitmen organisasi dan kecenderungan berhenti kerja, semakin menurun keinginan pekerja untuk meninggalkan organisasi.

Kumar dan Che Rose (2012) mengkaji peranan penyederhana etika kerja Islam terhadap hubungan positif antara keupayaan perkongsian pengetahuan dan keupayaan inovasi dan ditemukan bahawa apabila etika kerja Islam dan keupayaan berkongsi pengetahuan berinteraksi antara satu sama lain, kesannya terhadap keupayaan inovasi menurun dari 39.6% hingga 12.2% disebabkan oleh

penyederhana etika kerja Islam ($\beta = 0.122$, $p < 0.01$). Kajian ini tidak memberikan penjelasan logik lanjut mengenai hubungan-hubungan ini.

Dengan menekankan secara ringkas kepentingan etika kerja dalam amalan kepimpinan, Shamsudin, Rahman dan Romle (2015) mencadangkan rangka kerja, hipotesis dan metodologi untuk menguji kesan penyederhana etika kerja Islam dalam hubungan kecerdasan emosi dan amalan kepimpinan. Mereka mencadangkan bahawa etika kerja Islam akan menyederhanakan hubungan empat dimensi kecerdasan emosi iaitu, penilaian emosi dalam diri atau orang lain, ungkapan emosi, peraturan emosi diri dan orang lain dan penggunaan emosi dalam menyelesaikan masalah dengan amalan kepimpinan. Walau bagaimanapun, hipotesis-hipotesis penyederhana adalah tidak berarah yang menunjukkan ketiadaan asas teoritis yang kuat untuk hipotesis ini.

Selanjutnya, Ajmal dan Irfan (2014) mengkaji kesan gabungan stress kerja dan etika kerja Islam ke atas hubungan kepuasan kerja dan kecenderungan berhenti kerja dengan menggunakan sampel sebanyak 120 orang pekerja Pakistan di sektor swasta dan awam. Keputusan kajian ini mendedahkan bahawa etika kerja Islam menyederhanakan hubungan stress kerja dan kepuasan kerja dan meningkatkan tahap kepuasan kerja dari -17.5% hingga 12% ($\beta = 0.120$, $p < 0.05$). Mereka memberi tumpuan kepada konsep asas etika kerja Islam dan menegaskan bahawa Islam sangat menumpukan kepada kesabaran, toleransi, persaudaraan; itulah sebabnya Etika kerja Islam secara positif menyederhanakan hubungan antara stress kerja dengan kepuasan kerja. Manakala di sisi lain, kesan penyederhana etika kerja Islam ke atas hubungan stress kerja dan kecenderungan berhenti kerja didapati tidak signifikan ($\beta = -0.23$, p

= ns), yang bermakna bahawa etika kerja Islam sebagai penyederhana tidak dapat meningkatkan atau menurunkan dengan ketara kesan stress kerja terhadap kecenderungan berhenti kerja. Ajmal dan Irfan menerangkannya dengan menunjukkan bahawa mungkin soalan tidak jelas kepada responden atau mungkin disebabkan oleh *mindset* yang berbeza. Mereka gagal menerangkan mengapa keputusan seperti itu didapati kerana argumen logik yang diberikan terlalu bersifat generik dan tidak dibina dengan betul.

Budaya Islam mempengaruhi prestasi pekerja dan motivasi kerja Islam (Hakim, 2012). Dalam Islam, kerja dianggap sebagai kebajikan, kewajiban, dan bentuk ibadah yang boleh membawa kepada pencapaian harga diri, pemenuhan dan kepuasan (Samier & Elkaleh, 2013). Objektif kajian berkaitan dengan peranan penyederhana IWE dalam hubungan antara kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif

2.4 Pemerksaan Psikologi

2.4.1 Pengkonsepan Pemerksaan Psikologi

Konsep pemerksaan telah disebutkan dan dibincangkan oleh penyelidik dan pengamal pengurusan. Minat ini disebabkan oleh beberapa faktor, yang kebanyakannya berkaitan dengan keberkesanan organisasi. Untuk memahami bagaimana pemerksaan memainkan peranannya dalam pengurusan, beberapa definisi konsep diperkenalkan. Menurut Ford dan Fottler (1995) pemerksaan biasanya bermakna memberi otonomi kepada pekerja untuk membuat keputusan tentang bagaimana mereka melakukan aktiviti harian mereka. Oleh itu, pekerja yang

diberi kuasa mempunyai keberkesanan diri yang tinggi kerana mempunyai tanggungjawab dan kewibawaan yang besar terhadap pekerjaan mereka (Thomas & Velthouse, 1990).

Meyerson dan Kline (2008) mengatakan bahawa pemerksaan psikologi adalah kepercayaan individu terhadap kebolehnya untuk melaksanakan aktiviti kerja yang berkaitan dengan kemahiran dan kecekapan. Mereka juga menerangkan bahawa pemerksaan psikologi adalah berkenaan dengan orang yang cekap atau berkeupayaan untuk merasa diberi kuasa dalam persekitaran kerjanya. Pekerja yang merasa lebih cekap tentang kebolehan mereka dan berjaya diberi kuasa atau mempunyai tahap pemerksaan psikologi yang lebih tinggi sepatutnya lebih puas dengan pekerjaannya, lebih komited kepada organisasinya, mempunyai kecenderungan yang lebih rendah untuk meninggalkan organisasi, dan menunjukkan prestasi yang lebih positif.

Pemerksaan psikologi di tempat kerja dapat dilihat sebagai satu set kognisi yang dibentuk oleh interaksi antara orang dan persekitaran kerja bukannya sifat keperibadian mereka (Conger & Kanungo, 1987). Oleh itu, peranan pemerksaan psikologi yang berhubungan dengan hasil pekerja lebih baik difahami dengan mempertimbangkan persekitaran kerja. Dalam kata lain, pemerksaan psikologi individu adalah satu set kognisi yang serentak yang mempengaruhi kepercayaan pekerja bahawa mereka mempunyai keupayaan untuk membentuk peristiwa dalam pekerjaan dan kehidupan mereka, bahawa tindakan mereka adalah berkesan, dan mereka mempunyai kawalan ke atas pilihan dan tindakan mereka (Cearley, 2004).

Spreitzer (1995) mentakrifkan pemerksaan psikologi sebagai peningkatan dalam motivasi intrinsik yang menggambarkan orientasi seseorang terhadap peranan pekerjaannya yang diwujudkan ke dalam empat kognisi iaitu makna (*meaning*), efikasi sendiri (*competence*), autonomi (*self-determination*) dan kesan (*impact*). Keempat kognisi pemerksaan psikologi tersebut secara bersama-sama mencerminkan tingkah laku proaktif yang berorientasikan pada peranan kerja seseorang. Tambahan pula, Spreitzer (2008) menyatakan pemerksaan psikologi merupakan kumpulan keadaan psikologi yang diperlukan oleh individu untuk boleh merasai bahawa ia mempunyai kawalan ke atas pekerjaan yang ia lakukan. Pemerksaan psikologi tidak tertumpu pada bagaimana amalan pengurusan mengagihkan kuasanya, tetapi lebih kepada bagaimana seorang pekerja merasai pengalaman di dalam kerjanya. Perspektif ini melihat pemerksaan dari sudut pandang personal yang dimiliki pekerja mengenai perannya di dalam organisasi.

Thomas dan Velthouse (1990) melihat pemerksaan sebagai konstruk motivasi. Thomas dan Velthouse (1990) pada pendekatan ini mendefinisikan pemerksaan sebagai sekumpulan kognisi yang dipengaruhi oleh persekitaran kerja, di mana kumpulan kognisi tersebut dapat menciptakan orientasi atau dorongan aktif pada pekerjaan. Selanjutnya pendekatan ini oleh Spreitzer (1995) diistilahkan sebagai *psychological empowerment* (pemerksaan psikologi).

Perspektif *socio-structural empowerment* merupakan perspektif yang lebih makro di mana pemerksaan lebih berfokus pada pemberian kekuasaan dalam hal struktur, kebijakan, dan praktek pekerjaan (Spreitzer, 2008). Sementara itu pemerksaan

psikologi adalah perspektif yang lebih mikro, di mana pengkaji melihat bagaimana pengalaman psikologi yang dialami pekerja atas pemerksaan yang diberikan.

Perspektif *socio-structural empowerment* umumnya telah banyak diteliti oleh para praktisi kerana berkaitan secara langsung dengan praktek manajerial untuk meningkatkan kinerja. Akan tetapi, *socio-structural empowerment* tidak dapat menganalisis esensi utama dari pemerksaan yang dialami oleh pekerja (Spreitzer, 2008). Keterbatasan ini membuat perspektif *psychological empowerment* perlu diteliti lebih lanjut kerana melihat dari sudut pandang psikologi. Spreitzer dalam penyelidikan-penyelidikannya mengistilahkan konstruk pemerksaan dalam pandangan psikologi itu dengan nama *psychological empowerment*.

Pemerksaan psikologi adalah sekumpulan keadaan psikologi yng diperlukan oleh individu untuk dapat merasakan bahawa ia memiliki kendali akan pekerjaan yang ia lakukan (Spreitzer, 2008). Dengan merujuk pada penyelidikan Thomas dan Velthouse (1990), Spreitzer (1995) berpendapat bahawa pemerksaan psikologi dibangun oleh empat buah dimensi kognitif, berupa kesedaran individu, sebagai manifestasi dari *intrinsic task motivation* seseorang. *Intrinsic task motivation* merupakan kondisi umum yang dirasakan oleh individu, terkait dengan tugasnya, di mana kondisi tersebut dapat menghasilkan motivasi dan kepuasan kerja (Thomas & Velthouse, 1990). Empat dimensi yang dimaksud adalah makna, efikasi sendiri, autonomi, dan kesan.

Seterusnya, Spreitzer (1995) memberikan beberapa andaian yang menjadi karakteristik dari pemerksaan psikologi. **Pertama**, pemerksaan psikologi

bukanlah sebuah karakter keperibadian, melainkan sekumpulan kognisi yang dibentuk oleh persekitaran kerjanya (Thomas & Velthouse, 1990). Oleh itu, level pemerksaan psikologi tidaklah selalu konstan, tetapi bersifat turun naik. **Kedua**, pemerksaan psikologi merupakan pemboleh ubah yang kontinu, maknanya seseorang tidak dapat dikatakan sebagai individu yang memiliki atau tidak memiliki pemerksaan psikologi, tetapi digolongkan ke dalam individu dengan level pemerksaan psikologi yang lebih tinggi atau lebih rendah. **Ketiga**, pemerksaan psikologi bukanlah konstruk umum yang boleh digeneralisasikan ke seluruh domain kehidupan, melainkan harus pada domain pekerjaan.

Berdasarkan definisi daripada Spreitzer (1995), Thomas and Velthouse (1990), dan berbagai pandangan di atas, pengkaji mendefinisikan pemerksaan psikologi sebagai sekumpulan kognisi, terdiri dari makna (*meaning*), efikasi sendiri (*competence*), autonomi (*self-determination*) dan kesan (*impact*) yang diperlukan oleh individu untuk dapat merasakan bahawa ia memiliki kuasa akan pekerjaan yang diberikan kepadanya. Spreitzer (1996), mentakrifkan konstruk Pemerksaan Psikologi dalam empat perspektif iaitu: *meaning, competence, self-determination, dan impact*. Definisi *meaning* (makna) dapat diertikan sebagai cerminan sejauh mana seorang individu berkeyakinan dan peduli terhadap cita-cita individu atau standar keperluan. *Competence* (kecekapan) mengacu pada *self-efficacy* (efikasi sendiri) yang spesifik untuk bekerja pada keyakinan individu dalam pengetahuan dan kemampuan untuk melakukan kegiatan dengan keterampilan dan keberhasilan. *Self-determination* (penentuan diri) dapat diertikan penentuan nasib sendiri atau autonomi yang merupakan sejauh mana tanggung jawab individu untuk pekerjaan yang

berhubungan dengan tindakan, dalam arti memiliki pilihan dalam memulai dan mengatur tindakan. *Impact* adalah kesan sebagai pengalaman yang berpengaruh pada hasil strategik, administratif, atau operasi di tempat kerja untuk membuat sebuah perbezaan.

Secara umum, keempat dimensi pemerksaan psikologi lebih berorientasi aktif dibanding dengan orientasi pasif. Maknanya, dalam membentuk keempat dimensi ini, seseorang mampu membentuk peranan dan konteks pekerjaannya. Spreitzer (1995) menyatakan bahawa pemerksaan psikologi baru dapat dirasakan jika seseorang merasakan keempat dimensi tersebut – jika satu saja dimensi hilang maka pengalaman pemerksaan psikologi akan menjadi terbatas. Berikut ini adalah dimensi-dimensi yang membangun konstruk pemerksaan psikologi.

Makna (*meaning*). Makna merupakan *value* dari sebuah pekerjaan, di mana penilaian tersebut dilakukan individu berdasarkan idealisme atau standar yang diyakini oleh dirinya (Spreitzer, 1995). Makna melibatkan kesesuaian antara keperluan individu terhadap peranan kerja dan keperluan individu terhadap pemenuhan nilai-nilai yang diyakininya. Tingkat makna akan semakin baik jika nilai yang diyakini oleh individu semakin sesuai dengan nilai yang diyakni atau diharapkan dari pekerjaan. Makna dinilai sebagai “mesin” dari sebuah pemerksaan kerana makna merupakan hal yang paling mendasar yang membuat individu merasa tergerak untuk melakukan suatu pekerjaan (Spreitzer, Kizilos, & Nason, 1997). Jika seorang pekerja merasa bahawa aktiviti pekerjaannya tidak sesuai dengan nilai-nilai yang diyakininya, maka ia tidak akan merasa diberi kuasa. Singh dan Sarkar (2012) berpendapat bahawa pekerja akan menampilkan usaha yang lebih baik untuk

berinovasi jika nilai-nilai yang dimilikinya akan tujuan dan sasaran pekerjaan sejalan dengan nilai-nilai peribadi yang diyakininya.

Efikasi sendiri (*competence*). *Competence* dapat disebut juga sebagai efikasi sendiri (*self-efficacy*), merupakan keyakinan individu atas kapabiliti yang dimilikinya untuk melakukan aktiviti-aktivitinya dengan keahlian tertentu. Luthans, Avolio, Avey, dan Norman (2007) mendefinisikan efikasi sendiri sebagai kepercayaan diri seseorang tentang kemampuannya untuk menggerakkan motivasi, sumberdaya kognisi, dan merangkai tindakan yang diperlukan untuk melaksanakan tugas tertentu yang spesifik. Bandura (1989) menunjukkan bahawa efikasi sendiri memicu individu untuk mulai bertingkah laku, berusaha, dan terus persisten akan apa yang dilakukannya. Ketiga aspek ini merupakan hal-hal yang mempengaruhi motivasi dan prestasi kerja. Individu dengan efikasi sendiri yang tinggi tidak menunggu tantangan “tercipta untuknya”, tetapi merek terus menerus menantang dirinya dengan menciptakan target-target yang lebih tinggi dan dengan sengaja memilih tugas yang sulit (Luthans et al., 2007). Zhou (1998) menyebutkan, individu menjadi lebih kreatif ketika mereka mempersepsikan efikasi sendiri dan autonomi yang tinggi. Sebaliknya, menurut Luthans dan Youssef (2007) individu dengan efikasi sendiri yang rendah cenderung akan memberikan respons reaktif terhadap tantangan yang dihadapkan kepada mereka dari persekitaran luaran.

Autonomi (*self-determination*). Autonomi merupakan persepsi individu atas keleluasaan (otonomi) dalam memulai dan melanjutkan tingkah laku maupun proses pekerjaan (Spreitzer, 1995; Thomas & Velthouse, 1990). Misalnya keleluasaan untuk membuat keputusan mengenai metode kerja, langkah-langkah yang diambil,

dan usaha apa yang dikeluarkan. Proses penting yang menjadi isu utama dari autonomi adalah pengalaman untuk memegang sebuah tanggung jawab. Oleh kerana itu, autonomi dapat meningkatkan fleksibilitas, kreativitas, resiliensi, dan regulasi diri (Thomas & Velthouse, 1990). Lebih lanjut, keleluasaan yang dimiliki oleh pekerja akan memberikan lebih banyak kesempatan bagi dirinya untuk bereksperimen dengan idea-idea baru yang ia miliki dan secara positif berhubungan dengan tingkah laku kerja inovatif (de Jong & Kemp, 2003; Ohly, Sonnentag, & Pluntke, 2006). Sebaliknya, autonomi yang sangat dikekang akan mendatangkan berbagai kesan emosional yang negative dan menurunkan *self-esteem* individu.

Kesan (*impact*). Kesan ialah keyakinan individu bahawa hasil pekerjaan yang ia lakukan dapat membawa perubahan pada kondisi pekerjaan orang lain (Thomas & Velthouse, 1990). Kesan berbeza dengan *locus of control*, di mana kesan lebih dipengaruhi oleh konteks pekerjaan, manakala *locus of control* merupakan bagian dari kebiasaan individu dalam menyikapi sesuatu. Individu yang percaya bahawa pekerjaan yang mereka lakukan memiliki pengaruh bagi pekerjaan orang lain terlihat lebih efektif dalam bekerja, dibandingkan dengan mereka yang tidak mempercayainya (Ashforth, 1989). Selain itu Spreitzer et al. (1997) juga menyatakan bahawa level kesan yang tinggi dapat meningkatkan kepuasan kerja sekaligus menurunkan ketegangan (*strain*) pekerja. Kajian yang dilakukan oleh Knol dan Linge (2009) menemukan bahawa kesan memiliki pengaruh terkuat terhadap tingkah laku kerja inovatif di kalangan perawat. Hal ini disebabkan kerana jika pekerja merasa bahawa pekerjaannya membawa kesan perbezaan bagi kehidupan orang lain, maka mereka akan lebih banyak lagi menunjukkan tingkah

laku kerja inovatif . Jantina, tingkat pendidikan, tingkat jabatan, *locus of control* dan masa kerja merupakan beberapa faktor yang dapat mempengaruhi pemeraksanaan psikologi pada pekerja (Koberg, Boss, Senjem, & Goodman, 1999; Lee & Koh, 2001; Menon, 2001; Spreitzer, 1995,1996), maka dari itu harus dikontrol efek dari pemboleh ubah tersebut. Di samping itu, faktor organisasi juga mengambil bahagian dalam memunculkan pemeraksanaan psikologi, diantaranya *span of control, role ambiguity, access for information and resources, social support, work climate*, dan lain sebagainya.

dari varians; dengan faktor pertama (terbesar) yang menjelaskan 26.21% dari jumlah varians, yang kurang dari 50% (Kumar, 2012). Selain itu, dapatan analisis juga menunjukkan bahawa tiada faktor tunggal yang menyumbang kepada majoriti kovarians dalam pemboleh ubah prediktor dan kriteria (Podsakoff et al., 2012). Oleh itu, ini menunjukkan bahawa *common method bias* (CMV) tidak mengganggu hubungan antara pemboleh ubah yang diukur dalam kajian ini (Lihat Lampiran 8).

4.4 Profil Demografi Responden

Dalam penyelidikan ini, ciri-ciri responden digambarkan melalui data deskriptif yang diperolehi daripada responden. Jadual 4.4 menunjukkan maklumat demografi responden yang terlibat dalam kajian ini. Majoriti responden adalah terdiri daripada lelaki seramai 158 orang (70.2%), manakala selebihnya (67 orang – 29.8%) adalah perempuan. Seterusnya, majoriti daripada responden (125 orang – 55.6%) berumur di antara 40 dan 50 tahun. Ia diikuti oleh responden berumur di antara 30 dan 39 tahun (51 orang – 22.7%), diantara 25-29 tahun (2 orang – 0.9%), dan akhir sekali lebih dari 50 tahun (47 orang – 20.9%). Seramai 211 orang responden (93.8%) telah berkahwin, dan selebihnya belum berkahwin (13 orang – 5.8%), sementara yang lain-lain 1 orang (0.4%). Seluruh responden adalah beragama Islam.

Selanjutnya, majoriti responden adalah mempunyai kelayakan akademik tertinggi iaitu master/S2 (128 orang – 56.9%), diikuti Degree/S1 (89 orang – 39.6%), Diploma I/II/III (5 orang – 2.2%), Doktor/PhD/S3 (2 orang – 0.9%) dan SMU/Sekolah Menengah (1 orang – 0.4%). Sebahagian besar responden mempunyai latar belakang pendidikan ekonomi/pengurusan (48 orang – 21.3%), dan majoriti tempoh

berkhidmat responden pada kerajaan adalah di antara 5 dan 10 tahun (28 orang – 25.5%) serta tempoh berkhidmat dalam jawatan semasa majoritinya melebihi 5 tahun (100 orang – 44.4%). Hasil analisis ditunjukkan di Lampiran 3.

Jadual 4.4
Maklumat Demografi Responden

Pemboleh ubah Demografi		Kekerapan (N=225)	Peratusan
Jantina	Laki-Laki	158	70.2
	Perempuan	67	29.8
Umur	25-29 tahun	2	0.9
	30-39 tahun	51	22.7
	40-50 tahun	125	55.6
	>50 tahun	47	20.9
Status Perkahwinan	Berkahwin	211	93.8
	Belum berkahwin	13	5.8
	Lainnya	1	0.4
Pendidikan Tertinggi	SMU/Sekolah Menengah	1	0.4
	Diploma/I/II/III	5	2.2
	Sarjana/Degree (S1)	89	39.6
	Master (S2)	128	56.9
	Doktor/PhD (S3)	2	0.9
Agama	Islam	225	100
Tempoh berkhidmat di kerajaan	Kurang dari 5 tahun	16	5.5
	5-10 tahun	28	25.5
	11-15 tahun	27	24.5
	16-20 tahun	16	14.5
	21-25 tahun	19	17.3
	Lebih dari 25 tahun	14	12.7
Tempoh berkhidmat dalam jawatan semasa	< 1 tahun	46	20.4
	1-2 tahun	46	20.4
	3-5 tahun	33	14.7
	> 5 tahun	100	44.4

Jadual 4.4 (*Lanjutan*)

Pemboleh ubah Demografi		Kekerapan (N=225)	Peratusan
Latar Belakang Pendidikan	Pentadbiran Awam/Politik/Hal Ehwal Antarabangsa	39	17.3
	Ekonomi/Pengurusan	48	21.3
	Kewangan/Perakaunan/Perbankan	12	5.3
	Undang-undang	16	7.1
	Teknik/Mekanik	29	12.9
	Kesihatan/Ubat-ubatan	33	14.7
	Sejarah/Antropologi/Bahasa/Studi Islamik	14	6.2
	Teknologi Informasi/Multimedia/ Teknologi Informasi dan Komunikasi	12	5.3
	Pertanian/Perikanan	21	9.3
	Lain-lain	1	0.4

4.5 Analisis Deskriptif Pemboleh ubah

Analisis deskriptif telah dijalankan ke atas semua pemboleh ubah dalam kajian ini. Analisis ini menjelaskan mengenai persepsi responden terhadap pemboleh ubah kajian seperti kepimpinan transformasi, etika kerja Islam, pemeraksanaan psikologi dan tingkah laku kerja inovatif berdasarkan skala 6 (enam) mata julat. Keputusan dari hasil analisa deskriptif menunjukkan skor purata pemboleh ubah penyederhana etika kerja Islam mempunyai skor tertinggi iatu: 5.209 dan diikuti oleh pemboleh ubah pengantara pemeraksanaan psikologi iatu 4.804, pemboleh ubah bersandar tingkah laku kerja inovatif iatu 4.748 dan pemboleh ubah tak bersandar kepimpinan transformasi sebesar 4.737. Jadual 4.5 di bawah menunjukkan purata pada tiga pemboleh ubah kajian ialah tinggi, iatu melebihi 4.5 (kepimpinan transformasi, pemeraksanaan psikologi, dan tingkah laku kerja inovatif) dan melebihi 5 (etika kerja Islam).


Ringkasan analisis deskriptif bagi setiap pemboleh ubah kajian ditunjukkan di Jadual 4.5.

Jadual 4.5
Analisis Deskriptif Terhadap Pemboleh ubah

Pemboleh ubah	N	Min	Mak	Purata	Sisihan Piawai
Kepimpinan Transformasi	225	3.80	5.55	4.737	.3699
Pemeriksaan Psikologi	225	3.83	5.67	4.804	.3749
Etika kerja Islam	225	4.47	6.00	5.209	.3306
Tingkah laku Kerja Inovatif	225	3.89	5.67	4,748	.3895

4.6 Penilaian Model Laluan PLS-SEM

Kajian terdahulu yang dilakukan oleh Henseler & Sarstedt (2013) mendapati bahawa *goodness-of-fit (GoF) index* adalah tidak sesuai digunakan untuk pengesahan model (Hair et al., 2014). Ini adalah kerana indeks tersebut tidak dapat membezakan di antara model yang sah atau yang sebaliknya (Hair, Ringle, & Sarstedt, 2013). Oleh itu, dalam menilai dan melaporkan dapatan laluan PLS-SEM, kajian ini telah menggunakan pendekatan dua langkah (*two step approach*) sepertimana yang telah dicadangkan oleh Henseler, Ringle, dan Sinkovics (2009) dan mengikuti garis panduan yang disediakan oleh Hair, Hult, Ringle, dan Sarstedt (2017). Pendekatan dua langkah yang digunakan dalam kajian ini adalah terdiri dari penilaian model pengukuran (model luaran / *outer model*) dan penilaian model struktural (model dalaman / *inner model*) (Wong, 2013) sebagaimana terlihat dalam Rajah 4.3.



Rajah 4.3

Proses Dua-Tahap Penilaian Bersistem Model Laluan PLS


Sumber: (Hair et al., 2017)

4.7 Penilaian Keputusan Model Pengukuran PLS-SEM (*Measurement Model*)

Bahagian ini akan membincangkan penilaian keputusan model pengukuran kajian, di mana keseluruhan pengukuran dalam model kajian ini merupakan konstruk yang diukur secara reflektif. Penilaian model pengukuran reflektif merangkumi kebolehpercayaan komposit untuk menilai ketekalan dalaman, kebolehpercayaan

indikator individu, dan purata varians diekstrak (AVE) untuk menilai kesahan konvergen. Manakala kriteria *Fornell-Larcker*, *cross-loadings*, dan terutamanya nisbah korelasi *heterotrait-monotrat* (HTMT) boleh digunakan untuk memeriksa kesahihan diskriminasi.

Langkah pertama di dalam menilai model pengukuran ini, mengikuti garis panduan yang disediakan oleh Hair et al. (2017) dan kajian oleh Sarstedt et al. (2014) adalah dengan melakukan: (1) Penilaian kebolehpercayaan ketekalan dalaman (2) Penilaian kesahan konvergen, dan (3) Penilaian kesahan diskriminan. Kemudian, penyelidik akan membincangkan langkah-langkah analisis yang terlibat dalam penilaian model pengukuran.



Rajah 4.4

Model Pengukuran

Note. KT=Kepimpinan Transformasi; PP=Pemeriksaan Psikologi; EKI=Etika Kerja Islam; PKIN=Tingkah laku Kerja Inovatif.

4.7.1 Step 1: Penilaian Kebolehpercayaan Ketekalan Dalaman (*Internal Consistency Reliability*)

Kebolehpercayaan ketekalan dalaman merujuk kepada sejauh mana seluruh item pada sesuatu (sub) skala mengukur konsep yang sama (Bijttebier, Delva, Vanoost, Bobbaers, Lauwers, & Vertommen, 2000; Sun, Chou, Stacy, & Ma, 2007). Pekali *alpha Cronbach* dan pekali kebolehpercayaan komposit adalah penganggar yang paling banyak dan lazim digunakan untuk menilai kebolehpercayaan ketekalan dalaman instrumen di dalam penyelidikan organisasi (Bacon, Sauer, & Young, 1995; McCrae, Kurtz, Yamagata, & Terracciano, 2011; Peterson & Kim, 2013). Akan tetapi, dalam kajian ini, pekali kebolehpercayaan komposit telah dipilih untuk menentukan kebolehpercayaan ketekalan dalaman model kajian.

Sehubungan dengan itu, terdapat dua sebab utama yang menjelaskan sebab penggunaan pekali kebolehpercayaan komposit dalam kajian ini. Pertama, pekali kebolehpercayaan komposit memberikan anggaran yang kurang bias berbanding pekali alpha Cronbach kerana pekali alpha Cronbach menganggap semua item menyumbang secara sama rata kepada konstruksinya tanpa mempertimbangkan sumbangan *loading* individu yang sebenar (Gotz, Liehr-Gobbers, & Krafft, 2010). Kedua, di dalam menganggarkan kebolehpercayaan skala, Alpha Cronbach boleh mengakibatkan penganggaran yang kurang tepat (Chin, 2010), manakala kebolehpercayaan komposit ada mengambil kira bahawa indikator mempunyai *loading* yang berbeza dan dapat ditafsirkan dengan cara yang sama seperti alpha Cronbach.

Untuk memastikan nilai kebolehpercayaan ketekalan dalaman atau kebolehpercayaan komposit untuk model reflektif yang terdapat dalam kajian ini adalah memuaskan, pengkaji telah menggunakan *rule of thumb* daripada Bagozzi dan Yi (1988) dan Hair et al. (2011), iaitu nilai pekali kebolehpercayaan komposit haruslah melebihi 0.70. Hasil dari kajian ini mendedahkan bahawa nilai untuk kebolehpercayaan komposit iaitu 0.943 (kepimpinan transformasi), 0.884 (pemeriksaan psikologi), 0.949 (etika kerja Islam), dan 0.943 (tingkah laku kerja inovatif). Keputusan ini menunjukkan bahawa semua pemboleh ubah mempunyai tahap kebolehpercayaan ketekalan dalaman yang tinggi melebihi 0.70. Jadual 4.6 di bawah membentangkan pekali kebolehpercayaan komposit untuk keseluruhan pemboleh ubah pendam yang dikaji.

4.7.2 Step 2: Penilaian Kesahan Konvergen (*Convergent Validity*)

Kebolehpercayaan item individu di dalam kajian ini telah dinilai melalui *outer loading* bagi setiap konstruk (Hair, Sarstedt, Ringle, & Mena, 2012; Hair et al., 2014; Hulland, 1999). Penilaian ini dibuat berdasarkan *rules of thumb*, iaitu nilai *loading* item di antara 0.40 hingga 0.70 akan dikekalkan manakala yang kurang dari 0.40 akan dikeluarkan (Hair et al., 2014). Hasil dari penilaian kebolehpercayaan yang dilakukan ke atas 46 item menunjukkan bahawa terdapat lapan item telah dihapuskan kerana nilai *loading* item tersebut berada di bawah 0.40 iaitu KT02, KT04, KT11, KT12, EKI03, EKI06, EKI07, dan EKI14. Maka dengan itu nilai keseluruhan item bagi kajian ini adalah 38 dengan nilai *loading* di antara 0.421 hingga 0.833 (rujuk Jadual 4.6).

Kesahan konvergen adalah merujuk kepada kemampuan sesuatu item berkorelasi dengan item-item yang lain di dalam pemboleh ubah pendam yang sama (Hair et al., 2014). Kesahan konvergen dinilai dengan meneliti *Average Variance Extracted* (AVE) untuk setiap pemboleh ubah pendam seperti yang telah dicadangkan oleh Fornell dan Larcker (1981). Untuk mencapai kesahan konvergen yang mencukupi, Chin (1998) telah menyarankan AVE bagi setiap pemboleh ubah pendam mestilah melebihi 0.50. Jadual 4.6 menunjukkan nilai-nilai AVE dengan nilai *loading* yang tinggi, iaitu melebihi 0.50 (>0.50) pada setiap konstruk dan keadaan ini menunjukkan kesahan konvergen yang mencukupi.

Jadual 4.6
Hasil Ringkasan Model Pengukuran

Pemboleh ubah Pendam	Indikator	Kesahan Konvergen		Kebolehpercayaan Ketekalan Dalaman	Kesahan Diskriminan				
		<i>Loading</i>	AVE	Kebolehpercayaan Komposit					
Etika kerja Islam	EKI01	0,595	0.505	0.909	Ya				
	EKI02	0,798							
	EKI04	0,575							
	EKI05	0,784							
	EKI08	0,730							
	EKI09	0,590							
	EKI10	0,686							
	EKI11	0,798							
	EKI12	0,658							
	EKI13	0,832							
	Kepimpinan Transformasi	KT01				0,815	0.511	0.931	Ya
		KT03				0,679			
		KT05				0,805			
KT06		0,719							
KT07		0,644							
KT08		0,726							
KT09		0,540							
KT10		0,669							
KT13		0,708							
KT14		0,838							
	K515	0,744							
	KT16	0,590							
	KT17	0,752							

Jadual 4.6 (*Lanjutan*)

Pemboleh ubah Pendam	Indikator	Kesahan Konvergen		Kebolehpercayaan Ketekalan Dalam	Kesahan Diskriminan
		<i>Loading</i>	AVE	Kebolehpercayaan Komposit	
Tingkah laku Kerja Inovatif	PKIN01	0,668	0.557	0.919	Ya
	PKIN02	0,727			
	PKIN03	0,713			
	PKIN04	0,728			
	PKIN05	0,811			
	PKIN06	0,711			
	PKIN07	0,748			
	PKIN08	0,811			
	PKIN09	0,787			
Pemeriksaan Psikologi	PP01	0,421	0.517	0.857	Ya
	PP02	0,436			
	PP03	0,829			
	PP04	0,829			
	PP05	0,831			
	PP06	0,817			

4.7.3 Step 3: Penilaian Kesahan Diskriminan (*Discriminant Validity*)

Kesahan diskriminan adalah merujuk kepada sejauh mana pemboleh ubah pendam didapati berbeza dari konstruk-construct pendam yang lain (Duarte & Raposo, 2010; Gotz et al., 2010). Dalam konteks kajian ini, kesahan diskriminan telah dikenal pasti dengan menggunakan $AVE > 0.50$ seperti yang telah dicadangkan oleh Fornell dan Larcker (1981) iaitu dengan membandingkan korelasi antara pemboleh ubah pendam dengan punca kuasa dua AVE (Fornell & Larcker, 1981). Untuk mencapai kesahan diskriminan yang mencukupi, Fornell dan Larcker (1981) telah mencadangkan bahawa punca kuasa dua AVE haruslah lebih besar dari korelasi antara konstruk pendam.

Jadual 4.7

Kolerasi Pemboleh ubah Pendam (Latent Variable Correlations)

Konstruk Pendam	1	2	3	4
Etika kerja Islam (1)	0.711			
Kepimpinan Transformasi (2)	0.087	0.715		
Tingkah laku Kerja Inovatif (3)	0.104	0.423	0.746	
Pemeriksaan Psikologi (4)	0.071	0.663	0.436	0.719

Nota. Peperjuru (*diagonal*) (**huruf tebal**) mewakili punca kuasa dua kepada purata varians terekstrak (AVE).

Berdasarkan Jadual 4.7, korelasi di antara pemboleh ubah pendam telah dibandingkan dengan punca kuasa dua AVE (nilai dalam huruf tebal) di mana ianya menunjukkan bahawa punca kuasa dua AVE adalah lebih besar dari korelasi di antara konstruk pendam, ini menunjukkan bahawa ianya telah mencapai kesahan diskriminan yang dikehendaki (Fornell & Larcker, 1981).

Selain dari menggunakan AVE untuk mengenal pasti kesahan konvergen, kajian ini juga telah membandingkan *indicator loadings* dengan *reflective indicator* yang terdapat di dalam jadual muatan silang (*cross-loadings*) (Chin, 1998). Menurut Chin (1998), untuk mencapai kesahan diskriminan yang mencukupi, *indicator loadings* haruslah lebih besar berbanding muatan silang. Hasil perbandingan yang telah dilakukan di antara *indicator loadings* dan *reflective indicators* menunjukkan bahawa keseluruhan *indicator loadings* adalah lebih besar dari muatan silang dan

memperlihatkan bahawa kesahan diskriminan adalah mencukupi untuk analisis selanjutnya (Jadual 4.8).

Jadual 4.8
Jadual Muatan Silang (Cross Loading)

ITEM	EKI	KT	PKIN	PP
EKI01	0,595	0,077	0,022	0,099
EKI02	0,798	-0,009	0,062	0,018
EKI04	0,575	0,059	0,030	0,007
EKI05	0,784	0,015	0,043	0,049
EKI08	0,730	0,084	0,078	0,083
EKI09	0,590	0,020	0,014	0,071
EKI10	0,686	0,037	0,022	0,005
EKI11	0,798	0,154	0,145	0,089
EKI12	0,658	-0,040	0,022	-0,072
EKI13	0,832	-0,011	0,056	0,031
KT01	0,106	0,815	0,327	0,529
KT03	0,071	0,679	0,283	0,453
KT05	0,107	0,805	0,335	0,511
KT06	-0,074	0,719	0,265	0,428
KT07	0,084	0,644	0,279	0,383
KT08	0,080	0,726	0,362	0,484
KT09	0,106	0,540	0,195	0,346
KT10	0,077	0,669	0,235	0,398
KT13	0,080	0,708	0,292	0,501
KT14	0,089	0,838	0,325	0,591
K515	-0,060	0,744	0,257	0,458
KT16	0,065	0,590	0,366	0,516
KT17	0,058	0,752	0,344	0,480
PKIN01	0,096	0,276	0,668	0,337
PKIN02	0,037	0,379	0,727	0,369
PKIN03	0,099	0,278	0,713	0,343
PKIN04	0,058	0,282	0,728	0,363
PKIN05	0,094	0,332	0,811	0,327
PKIN06	0,028	0,347	0,711	0,315
PKIN07	0,050	0,276	0,748	0,234

PKIN08	0,117	0,299	0,811	0,275
PKIN09	0,120	0,344	0,787	0,331

Note. KT=Kepimpinan Transformasi; PP=Pemeriksaan Psikologi; EKI=Etika Kerja Islam; PKIN=Tingkah laku Kerja Inovatif.


Jadual 4.8 (*Lanjutan*)

ITEM	EKI	KT	PKIN	PP
PP01	0,088	0,169	0,329	0,421
PP02	0,060	0,126	0,341	0,436
PP03	0,058	0,598	0,339	0,829
PP04	0,001	0,537	0,312	0,829
PP05	0,094	0,647	0,323	0,831
PP06	0,031	0,525	0,331	0,817

Note. KT=Kepimpinan Transformasi; PP=Pemeriksaan Psikologi; EKI=Etika Kerja Islam; PKIN=Tingkah laku Kerja Inovatif.

4.8 Penilaian Keputusan Model Struktural PLS-SEM

Seksyen 5.7 telah menunjukkan bahawa model pengukuran telah disahkan di mana pengukuran konstruk adalah boleh dipercayai dan sah, maka seterusnya, bahagian ini (Seksyen 5.8) akan memberi tumpuan kepada penilaian model struktural yang akan diikuti dengan ujian hipotesis. Penilaian dilakukan berdasarkan garis panduan yang disediakan oleh Hair et al., (2014) dan kajian oleh Sarstedt et al., (2014). Langkah-langkah yang terlibat adalah: (1) penilaian kolineariti, (2) kesignifikan pekali laluan, (3) penilaian pekali penentuan (R^2), (4) penentuan kesan saiz f^2 , (5) penilaian relevansi ramalan (Q^2), (6) penentuan kesan saiz q^2 , (7) Penilaian kesan pengantara, dan (8) Analisis kesan penyederhana. Berikut adalah prosedur atau langkah-langkah untuk penilaian model struktural.



Rajah 4.5
Prosedur Penilaian Model Struktural

4.8.1 Step 1: Penilaian Kolineariti.

Untuk menilai kolineariti, kajian ini menggunakan diagnostik kolineariti pada regresi linear berdasarkan nilai toleransi dan faktor inflasi varians (VIF). Sebagaimana yang disebut oleh Hair et al., (2014), masalah potensi kolineariti berlaku ketika nilai toleransi 0.20 atau lebih rendah dan nilai VIF 5 atau lebih tinggi.

Untuk mendapatkan nilai VIF, kajian ini telah menggunakan langkah-langkah yang dicadangkan oleh Wong (2016). Terdapat dua pemboleh ubah bersandar dalam

model kajian ini iaitu pemeraksanaan psikologi dan tingkah laku kerja inovatif. Berdasarkan Jadual 4.9, kajian dua set regresi linear terhadap kedua-dua pemboleh ubah bersandar menunjukkan nilai VIF bagi kedua-dua set pemboleh ubah bersandar adalah kurang dari 5, di mana menandakan bahawa tiada masalah kolineariti untuk setiap set pemboleh ubah prediktor. Nilai VIF adalah sama kerana input kepada pemboleh ubah endogen ini (pemeraksanaan psikologi dan tingkah laku kerja inovatif) berasal dari pemboleh ubah eksogen yang sama (kepimpinan transformasional, pemeraksanaan psikologi, dan etika kerja Islam) yang menunjukkan bahawa nilai-nilai itu betul.


Jadual 4.9 menunjukkan hasil ujian kolineariti. Nilai VIF untuk setiap konstruk juga adalah lebih rendah dari 3.3 (Diamantopoulos & Siguaw, 2006), dengan itu mencadangkan bahawa tidak ada masalah dengan kolineariti dalam kajian ini.

Jadual 4.9
Penilaian Kolineariti

Set Pertama		
Konstruk	VIF	Isu Kolineariti? (VIF>5?)
Kepimpinan Transformasi	1.008	tidak
Pemeraksanaan Psikologi	1.791	tidak
Etika kerja Islam	1.787	tidak
Pemboleh ubah bersandar: Tingkah laku Kerja Inovatif		
Set Kedua		
Konstruk	VIF	Isu Kolineariti? (VIF>5?)
Kepimpinan Transformasi	1.000	tidak
Pemboleh ubah bersandar: Pemeraksanaan Psikologi		

4.8.2 Step 2: Kesignifikan pekali laluan

Untuk menguji kesignifikanan pekali laluan, kajian ini telah menggunakan prosedur standard *bootstrapping* dengan 5,000 sampel dan 197 kes (Hair et al., 2011, 2012; Hair et al., 2014; Henseler et al., 2009). Rajah 4.6 dan Jadual 4.10 menunjukkan model struktural, pengantara, dan penyederhana (Model Keseluruhan). Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, hipotesis 1 kajian ini telah meramalkan bahawa KT (kepimpinan transformasi) mempunyai pengaruh yang positif ke atas PKIN (tingkah laku kerja inovatif), hasil analisis mendapati bahawa hubungan KT dengan PKIN adalah signifikan ($\beta:0.222$, $t:2.837$, $p<0.01$). Sehubungan dengan itu, dapatan ini ternyata menyokong hipotesis 1.



Rajah 4.6

Pekali laluan dan p-Value Model Struktural PLS

Note. KT=Kepimpinan Transformasi; PP=Pemeriksaan Psikologi; EKI=Etika kerja Islam; PKIN=Tingkah laku Kerja Inovatif.

Perincian pekali laluan ditunjukkan dalam Jadual 4.10. Nilai kritikal yang paling biasa digunakan untuk mengenal pasti tahap signifikan t-values bagi 2-tails adalah 1.65 (tahap signifikansinya = 10%), 1.96 (tahap signifikansinya = 5%), dan 2.57 (tahap signifikan = 1%) (Ramayah, 2014). Dari Jadual 4.10 dapat dilihat bahawa t-values untuk kepimpinan transformasi terhadap tingkah laku kerja inovatif dilaporkan sebagai 2.837, di atas 1,96, menunjukkan bahawa laluan ini adalah signifikan.

Jadual 4.10

Keputusan ujian kesignifikan pekali laluan model struktural

Hipotesis	Hubungan	Pekali Laluan	t Value	p Value	Tahap Sig	Dapatan
H1	KT→PKIN	0.222	2.837	0.005	***	Sokong

Nota. *** Signifikan pada 0.01 (1-tailed), ** signifikan pada 0.05 (1-tailed), * signifikan pada 0.1 (1-tailed)

4.8.3 Step 3: Penilaian pekali penentuan / Varians Pemboleh ubah Endogen (R^2)

Kriteria penting yang digunakan untuk menilai model struktural ialah dengan nilai R^2 (Hair et al., 2011, 2012; Henseler et al., 2009) di mana nilai R^2 mewakili perkadaran varians dalam pemboleh ubah bersandar yang dapat dijelaskan melalui satu atau lebih pemboleh ubah peramal (Elliott & Woodward, 2007). Kajian lepas mendapati bahawa nilai R^2 yang boleh diterima pakai adalah bergantung pada konteks kajian (Hair et al., 2010). Walau bagaimanapun, Falk dan Miller (1992) dan Elliott dan Woodward (2007) telah mencadangkan bahawa nilai R^2 ialah 0.10 sebagai nilai minimum, manakala Chin (1998) pula mencadangkan bahawa nilai R^2 adalah 0.67 (ketara), 0.33 (sederhana), dan 0.19 (kecil). Di samping itu, Hair et al.

(2011) pula telah mencadangkan nilai R^2 yang sesuai digunakan di dalam PLS-SEM ialah 0.75 (ketara), 0.50 (sederhana), dan 0.25 (kecil). Di dalam konteks kajian ini, nilai R^2 untuk dua pemboleh ubah pendam endogen (pemeriksaan psikologi dan tingkah laku kerja inovatif) adalah di dalam anggaran yang telah ditetapkan seperti di Rajah 4.6 dan Jadual 4.11. Hal ini menunjukkan bahawa semakin besar nilai R^2 , maka semakin besar perkadaran varians yang dapat dijelaskan dan ia menunjukkan bahawa model tersebut semakin bagus (Gotz et al., 2010). Jadual 4.11 menunjukkan bahawa nilai R^2 antara pemboleh ubah eksogen kepimpinan transformasi dan pemboleh ubah pendam endogen pemeriksaan psikologi ialah 0.44, yang bermakna bahawa kepimpinan transformasi menjelaskan sebanyak 44 peratus varian dalam pemeriksaan psikologi. Seterusnya, sebanyak 24 peratus varians dalam pemboleh ubah pendam endogen tingkah laku kerja inovatif diterangkan oleh pemboleh ubah pemeriksaan psikologi.

Jadual 4.11

Variance Explained dalam Pemboleh ubah Pendam Endogen

Konstruk Pendam	Variance Explained (R^2)	Dapatan
Pemeriksaan Psikologi	44%	Ketara
Tingkah laku Kerja Inovatif	24%	Sederhana

4.8.4 Step 4: Penentuan Kesan Saiz (f^2)

Kesan saiz adalah merupakan kesan relatif pemboleh ubah pendam eksogen ke atas pemboleh ubah pendam endogen melalui perubahan yang berlaku pada R^2 (Chin, 1998), di mana kesan saiz boleh dinyatakan dengan menggunakan formula yang ditunjukkan seperti di bawah ini (Cohen, 1988; Selya, Rose, Dierker, Hedeker, & Mermelstein, 2012):

$$\text{Kesan saiz: } f^2 = \frac{R^2 \text{ Included} - R^2 \text{ Excluded}}{1 - R^2 \text{ Included}}$$

Menurut Cohen (1988) kesan saiz f^2 yang sesuai diguna pakai ialah 0.02 (kecil), 0.15 (sederhana), dan 0.35 (besar), berdasarkan cadangan di atas kesan saiz pemboleh ubah pendam yang terdapat di dalam model struktural kajian ini adalah seperti di dalam Jadual 4.12.

Jadual 4.12
Kesan saiz Pemboleh ubah Pendam Menurut Cadangan Cohen (1988)

Pemboleh ubah Endogen	Pemboleh ubah Eksogen	R^2_{include}	R^2_{exclude}	f^2	Keputusan
Tingkah laku Kerja Inovatif		0.229			
	Kepimpinan Transformasi		0.222	0.009	kecil
	Pemeriksaan Psikologi		0.195	0.042	kecil
	Etika kerja Islam		0.218	0.014	Kecil

Seperti yang telah dikemukakan di dalam Jadual 4.12, kesan saiz ke atas tingkah laku kerja inovatif adalah terdiri dari konstruk kepemimpinan transformasi (0.009, kecil), pemeriksaan psikologi (0.042, kecil), dan etika kerja Islam (0.014, kecil).

4.8.5 Step 5: Penilaian Relevansi Ramalan (Q2)


Di dalam membuat penilaian ramalan kerelevanan, kajian ini telah menggunakan ujian *Stone-Geisser* Q^2 iaitu dengan menggunakan prosedur *blindfolding* (Geisser, 1974; Stone, 1974). Ujian *Stone-Geisser* ini digunakan adalah untuk menilai

goodness-of-fit dalam PLS-SEM (Duarte & Raposo, 2010) dan ternyata bersesuaian dengan model pengukuran reflektif (Hair et al., 2014).

Untuk memastikan model mempunyai *predictive relevance*, nilai Q^2 mesti melebihi 0 (Chin, 1998, 2010). Selain itu, model kajian yang mempunyai nilai Q^2 yang lebih positif menunjukkan bahawa ianya lebih *predictive relevance* (Ruiz, Gremler, Washburn, & Cepeda, 2010). Hasil ujian *cross-validated redundancy* Q^2 untuk model ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.13 dan Rajah 4.7 di mana nilai Q^2 untuk pemboleh ubah pendam endogen berada di atas paras 0 iaitu tingkah laku kerja inovatif bernilai 0.118 dan pemeraksanaan psikologi bernilai 0.206.

Jadual 4.13
Hasil Penilaian Relevansi Ramalan (Predictive Relevance)

Konstruk Pendam	Predictive Relevance (Q^2) > 0
Pemeraksanaan Psikologi	0.206
Tingkah laku Kerja Inovatif	0.118



Rajah 4.7
Prosedur Blindfolding Model Struktural PLS
 Note. KT=Kepimpinan Transformasi; PP=Pemeriksaan Psikologi; EKI=Etika Kerja Islam;
 PKIN=Tingkah laku Kerja Inovatif.

4.8.6 Step 6: Penentuan kesan saiz q^2

Pada tahap ini, penilaian atau penentuan kesan saiz untuk *predictive relevance* Q^2 menggunakan q^2 (Hair et al., 2014). Dalam penentuan kesan saiz untuk *predictive relevance* ini, q^2 merujuk kepada cerapan perubahan dalam nilai *predictive relevance* Q^2 selepas satu pemboleh ubah eksogen dikeluarkan dari model (Hair et al., 2014). Nilai ini akan diterjemahkan iaitu 0.02 (kecil), 0.15 (sederhana) dan 0.35 (besar) (Hair et al., 2014). Nilai q^2 telah dikira berdasarkan persamaan berikut:

$$q^2 = (Q^2_{include} - Q^2_{exclude}) / (1 - Q^2_{include})$$

Ringkasan hasil dibentangkan dalam Jadual 4.13. Untuk pemboleh ubah endogen tingkah laku kerja inovatif, ketiga-tiga pemboleh ubah eksogen memberi kesan kecil

ke arah pemboleh ubah endogen tersebut iaitu kepimpinan transformasi (0.006, kecil), pemeraksanaan psikologi (0.018, kecil), dan etika kerja Islam (0.006, kecil).

Jadual 4.14

Keputusan Kesan saiz untuk predictive relevance Q²


Pemboleh ubah Endogen	Pemboleh ubah Eksogen	Q ² _{include}	Q ² _{exclude}	q ²	Keputusan
Tingkah laku Kerja Inovatif		0.115			
	Kepimpinan Transformasi		0.110	0.006	kecil
	Pemeraksanaan Psikologi		0.099	0.018	kecil
	Etika kerja Islam		0.110	0.006	Kecil

4.8.7 Step 7: Penilaian kesan pengantara

Matlamat utama ujian pengantara yang dilakukan dalam kajian ini adalah untuk menentukan kemampuan pemboleh ubah pengantara di dalam mempengaruhi pemboleh ubah eksogen dan pemboleh ubah endogen (Ramayah, Lee, & In, 2011), serta menilai kesan tidak langsung eksogen terhadap pemboleh ubah endogen melalui pemboleh ubah pengantara. Menurut Hayes dan Preacher (2010), terdapat beberapa kaedah yang kerap digunakan untuk menguji hubungan pengantara, iaitu causal step strategy (Baron & Kenny, 1986), ujian Sobel yang juga dikenali sebagai product-of coefficient (Sobel, 1982), pendekatan distribution of the product (Mackinnon, Lockwood, & Williams, 2004), dan pendekatan bootstrapping (Mackinnon et al., 2004; Preacher & Hayes, 2004, 2008).

Secara khusus, ujian pengantara yang digunakan di dalam kajian adalah berdasarkan pendekatan PLS-SEM (Wold, 1985), di mana ia adalah teknik yang sesuai di dalam

menguji model multivariat kompleks yang melibatkan interaksi, kesan langsung dan tidak langsung (Hair et al., 2014). Untuk menguji kesan pengantara untuk model ini, pengkaji merujuk kepada langkah-langkah analisis pengantara yang dicadangkan oleh Hair et al., (2014), seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.8 berikut.



Rajah 4.8
Prosedur Analisis Mediator oleh Hair et al. (2014)

Pertama, model telah diuji tanpa pengantara. Hasilnya menunjukkan bahawa semua laluan langsung adalah signifikan. Kedua, pengantara dimasukkan kembali ke dalam model dan nilai kesan tidak langsung serta nilai kesan total ditunjukkan di model. Semua kesan tidak langsung menunjukkan nilai yang signifikan. Keputusan atau hasilnya ditunjukkan dalam Jadual 4.15. Magnitud pengantara diuji dengan menghitung nilai *Variance Accounted For* (VAF). Hasilnya menunjukkan bahawa pemeraksanaan psikologi mempunyai kesan pengantara separa pada hubungan kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif. Oleh itu, Hipotesis H1 dan H2 untuk kajian ini disokong.

Jadual 4.15
Dapatan Analisis Pengantara dalam PLS-SEM

Hipotesis	Prosedur	Laluan	Pekali Laluan	Kesan Tidak Langsung	STDEV	Total Efek	VAF ⁺	T Value	Sig Level	P Value	Hipotesis
H2	Step 1: Kesan langsung (tanpa pengantara)	KT→PKIN	0.442	n/a	n/a	n/a	n/a	6.632	***	0.000	Sokong
	Step 2: Kesan tidak langsung (dengan pengantara)	KT→PKIN	0.239	n/a	n/a						
		KT→PP	0.663			0.423	0.435				
		PP→PKIN	0.278	0.184	0.024			7.642	***	0.000	

Note. KT=Kepimpinan Transformasi; PP=Pemeraksanaan Psikologi; EKI=Etika Kerja Islam; PKIN=Tingkah laku Kerja Inovatif; VAF = kesan tidak langsung/total efek, di mana total efek = kesan langsung + kesan tidak langsung

Jadual 4.16
Variance Accounted For (VAF) dan Pengujian Hipotesis

Hipotesis	Laluan	Variance Accounted For (VAF)			Hipotesis
		Nilai ⁺	%VAF	Tipe Pengantara	
H2	KT→PKIN	0.435	43.5	Pengantara Separo	Sokong

Note. KT=Kepimpinan Transformasi; PP=Pemeraksanaan Psikologi; EKI=Etika Kerja Islam; PKIN=Tingkah laku Kerja Inovatif; VAF = kesan tidak langsung/total efek, di mana total efek = kesan langsung + kesan tidak langsung

4.8.8 Step 8: Analisis kesan penyederhana

Di dalam kajian ini konstruk etika kerja Islam merupakan konstruk penyederhana dalam hubungan antara kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif. Pengaruh pemboleh ubah penyederhana ini dapat dilihat melalui hipotesis ketiga di mana hipotesis ini terbentuk berdasarkan objektif ketiga dalam kajian ini.

Hasil analisis yang telah dijalankan bagi hipotesis H3 telah meramalkan bahawa etika kerja Islam akan menyederhanakan hubungan antara kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif yang memperlihatkan bahawa hubungan antara kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif akan lebih positif bagi individu yang mempunyai etika kerja Islam yang tinggi berbanding individu yang mempunyai etika kerja Islam yang rendah. Berdasarkan Jadual 4.17, dapatan kajian menunjukkan bahawa peranan etika kerja Islam didapati tidak signifikan mempengaruhi hubungan kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif (β : 0.095, t :1.254, p >0.05). Oleh itu, keputusan ujian ini tidak menyokong hipotesis H3.

Jadual 4.17

Keputusan Hipotesis Pemboleh ubah Penyederhana Etika kerja Islam

Hipotesis	Hubungan	Pekali Laluan	t Value	p Value	Dapatan
H3	Etika kerja Islam*Kepimpinan Transformasi → Tingkah laku Kerja Inovatif	0.095	1.254	0.210	Tidak Disokong

4.9 Ringkasan Dapatan

Bahagian ini menunjukkan ringkasan dapatan analisis untuk keseluruhan model yang telah dilakukan.

Jadual 4.18
Ringkasan Dapatan

Hipotesis	Laluan Hipotesis	Dapatan
H1	Kepimpinan Transformasi → Tingkah laku Kerja Inovatif	Sokong
H2	Etika kerja Islam*Kepimpinan Transformasi → Tingkah laku Kerja Inovatif	Tidak Sokong
H3	Kepimpinan Transformasi → Pemeraksanaan Psikologi → Tingkah laku Kerja Inovatif	Sokong

4.10 Ringkasan

Bab ini telah membincangkan hasil analisis yang telah dilakukan mengikut penilaian kesignifikan pekali laluan ke atas tiga hipotesis yang terdapat dalam kajian ini. Proses analisis telah dimulakan dengan mengenal pasti kadar sambutan dan diikuti oleh pengimbasan data serta analisis pentaksiran *outliers*, normaliti, dan multikolinearan. Analisis kajian diteruskan dengan menganalisis deskriptif profil responden untuk mengetahui taburan profil responden. Kemudian, analisis penilaian model pengukuran dan model struktural juga dijalankan. Hasil analisis yang telah dijalankan mendapati dua dari tiga dapatan adalah signifikan dan menyokong hipotesis kajian. Selanjutnya, di dalam bab yang kelima akan melaporkan perbincangan, sumbangan, batasan dan cadangan kajian.

BAB LIMA

PERBINCANGAN, KESIMPULAN, DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan dapatan kajian utama yang dibentangkan dalam bab terdahulu beserta dapatan kajian lepas dan hipotesis yang dibangunkan di Bab Dua dan Bab Tiga. Secara khususnya, bab ini akan disusun seperti berikut. Bahagian 2 mencadangkan ringkasan dapatan kajian. Manakala Bahagian 3 membincangkan dapatan kajian berdasarkan teori asas dan kajian terdahulu, yang terdiri dari 3 seksyen, iaitu seksyen 1 membincangkan mengenai hubungan kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif, seksyen 2 membincangkan etika kerja Islam sebagai pemboleh ubah penyederhana dalam hubungan antara kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif serta seksyen 3 membahas peranan pengantara pemeraksanaan psikologi dalam hubungan di antara kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif. Manakala di bahagian terakhir bab ini akan memperihalkan sumbangan secara akademik dan praktikal, diikuti dengan perbincangan berkaitan batasan dan cadangan kajian serta dibahagian akhir ditarik kesimpulan.

5.1 Ringkasan Umum Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk melihat hubungan dan pengaruh di antara kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat kesan etika kerja Islam sebagai pemboleh ubah

penyederhana terhadap kepemimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif, dan peranan pemeraksanaan psikologi sebagai pengantara dalam hubungan antara kepemimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif. Sementara itu, teori-teori yang menjadi teras kepada pembangunan kerangka konseptual kajian ini adalah Teori Kepimpinan Transformasi, Teori Kontingensi, dan Model Kognitif Pemeraksanaan.

Mengenai hubungan langsung antara pemboleh ubah pendam eksogen dan pemboleh ubah pendam endogen, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa dari 3 hipotesis, 2 disokong. Keputusan model laluan PLS didapati bahawa kepemimpinan transformasi mempunyai hubungan signifikan yang positif dengan tingkah laku kerja inovatif (Hipotesis 1). Manakala Hipotesis 2 iaitu menguji peranan etika kerja Islam sebagai pemboleh ubah penyederhana dalam hubungan antara kepemimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa interaksi antara kepemimpinan transformasi dan etika kerja Islam tidak mempunyai pengaruh terhadap tingkah laku kerja inovatif. Seterusnya, bagi menguji hipotesis 3 iaitu menguji peranan pemeraksanaan psikologi sebagai pengantara dalam hubungan antara kepemimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemeraksanaan psikologi berperanan sebagai pengantara sebahagian dalam hubungan antara kepemimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif.

Keseluruhannya, kajian ini telah berjaya meningkatkan pemahaman semasa dari determinan utama tingkah laku kerja inovatif pengurus pertengahan dengan memberikan jawapan terhadap soalan kajian. Jawapan dari persoalan tersebut telah

diperolehi menerusi ujian ke atas hipotesis-hipotesis kajian ini. Untuk memudahkan pemahaman, Jadual 5.1 menunjukkan perhubungan antara objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian dan nombor para pembincangan.

Jadual 5.1

Perhubungan antara Objektif Kajian, Persoalan Kajian, Hipotesis Kajian, dan Nombor Para Pembincangan,

Objektif Kajian	Persoalan Kajian	Hipotesis Kajian	Nombor Para Pembincangan
Mengenal pasti hubungan di antara kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif di sektor awam.	Adakah terdapat hubungan antara kepimpinan transformasi dengan tingkah laku kerja inovatif di sektor awam di kerajaan Aceh?	H1: Terdapat hubungan antara kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif..	5.2.1 Kepimpinan Transformasi dan Tingkah laku Kerja Inovatif
Mengenal pasti kesan penyederhana etika kerja Islam terhadap hubungan kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif di sektor awam.	Adakah terdapat kesan penyederhana etika kerja Islam terhadap hubungan antara kepimpinan transformasi dengan tingkah laku kerja inovatif di sektor awam di kerajaan Aceh?	H2: Etika kerja Islam adalah penyederhana ke atas hubungan antara kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif.	5.2.2 Kesan penyederhana etika kerja Islam terhadap hubungan kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif

Jadual 5.1 (*Lanjutan*)

Objektif Kajian	Persoalan Kajian	Hipotesis Kajian	Nombor Para Perbincangan
Mengenal pasti kesan pengantara pemerksaan psikologi dalam hubungan antara kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif di sektor awam.	Adakah terdapat kesan pengantara pemerksaan psikologi terhadap hubungan antara kepimpinan transformasi dengan tingkah laku kerja inovatif di sektor awam di kerajaan Aceh?	H3: Pemerksaan psikologi adalah pengantara dalam hubungan antara kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif.	5.2.3 kesan pengantara pemerksaan psikologi dalam hubungan antara kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif.

5.2 Perbincangan

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian berdasarkan teori yang relevan dan dapatan kajian lepas. Sub bahagian perbincangan disusun menurut objektif kajian.

5.2.1 Kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif (Objektif Kajian 1)

Objektif kajian pertama penyelidikan semasa ialah "Mengenal pasti hubungan di antara kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif di sektor awam ". Selari dengan objektif kajian 1, hipotesis H1 diuji. Dapatan analisis yang dilaporkan dalam Jadual 5.10 (pada Seksyen 5.8.2) menyokong kewujudan hubungan positif

yang signifikan antara kepemimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif ($\beta = .222$; $t\text{-value} = 2.837$; $p < .01$). Ini bermakna bahawa terdapat hubungan langsung yang signifikan positif dengan tingkah laku kerja inovatif. Dalam erti kata lain, tingkah laku kerja inovatif pengurus pertengahan akan meningkat apabila setiap mereka melaksanakan gaya kepemimpinan transformasi dalam organisasi. Dapatan kajian yang menunjukkan bahawa secara keseluruhan kepemimpinan transformasi mempunyai hubungan dengan tingkah laku kerja inovatif bukanlah sesuatu hal yang mengejutkan. Ini kerana pada kajian yang lepas sebahagian besar penyelidik mendapati hubungan signifikan antara kepemimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif (seperti, Afsar et al., 2014; Aryee *et al.*, 2012; Choi et al., 2016; Gunzel-Jensen et al., 2017; Lei et al., 2011; Nusair et al., 2012; Rank et al., 2009; Reuvers et al., 2008; dan Sharifirad, 2013).

Terdapat pelbagai alasan mengapa kepemimpinan transformasi boleh meningkatkan kepada tingkah laku kerja inovatif. Pertama, pemimpin transformasi mempunyai visi yang tidak konvensional dan menarik serta berkhidmat sebagai model peranan berkarisma (*idealized influence*) untuk menjadi inovatif (Eisenbeiss & Boerner, 2010; Podsakoff, MacKenzie, Moorman, & Fetter, 1990). Begitu juga, Conger dan Kanungo (1987) menegaskan bahawa pemimpin transformasi secara peribadi terlibat dalam tingkah laku inovatif yang sering bertentangan dengan norma-norma konvensional (Keller, 1992). Oleh yang demikian, tidak hairanlah sebahagian besar kajian mendapati dengan adanya kepemimpinan transformasi dalam suatu organisasi akan membawa kepada tingkah laku kerja inovatif yang lebih baik.

Alasan lain pula mengapa kepemimpinan transformasi dapat membawa kepada tingkah laku kerja inovatif yang lebih baik ialah kerana gaya kepemimpinan transformasi, dengan menggunakan motivasi inspirasi, secara sedar dan yakin dengan keupayaannya untuk berjaya melaksanakan kecekapannya, dan pada akhirnya cenderung untuk mempamerkan tingkah laku kerja inovatif.

Selanjutnya, melalui rangsangan intelektual (*intellectual stimulation*), pemimpin transformasi mampu mendorong diri mereka untuk menilai semula masalah yang berpotensi dan persekitaran kerja mereka daripada mana idea-idea inovatif boleh berkembang (Hater & Bass, 1988; Bass & Avolio, 1990; Bass, 1990). Ditambah lagi, kepemimpinan transformasi yang merangsang pemikiran intelektual, membantu mereka berfikir diluar kotak (Wilson Evered, Hartel, & Neale, 2004). Dalam kaitannya, kepemimpinan transformasi merangsang tingkah laku kerja mereka dan mereka sedar secara intelektual untuk mendedikasikan semua usaha mereka kepada kemakmuran organisasi (Kark et al., 2003). Juga, berfikir di luar kotak membawa tahap visi yang tinggi kepada organisasi, dan mereka boleh menjadi komited untuk mencapai visi secara berkesan (Felfe & Goihl, 2002). Oleh itu, kepemimpinan transformasi menggalakkan mereka untuk menjadi inovatif manakala mencapai visi organisasi (Bass & Avolio, 1997; Geyer & Steyrer, 1998). Dan terakhir, sebagai seorang pemimpin transformasi menonjolkan kualiti individu pengikut, sekaligus memberi penekanan kepelbagaian bakat, adalah munasabah bahawa pertimbangan individu (*individualized consideration*) memulakan tingkah laku kerja inovatif.

Kajian ini juga mendapati bahawa kepemimpinan transformasi pengurus pertengahan adalah berkesan dalam mempromosikan tingkah laku kerja inovatif dengan

meningkatkan pemeraksanaan psikologinya. Lebih khusus lagi, kajian ini juga mencadangkan bahawa kepimpinan transformasi memaparkan tingkah laku kerja inovatif melalui peningkatan makna, efikasi sendiri, autonomi, dan kesan.

5.2.2 Kesan penyederhana etika kerja Islam terhadap hubungan kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif (Objektif 2)

Objektif kajian kedua penyelidikan ini iaitu "Mengetahui kesan penyederhana etika kerja Islam terhadap hubungan kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif di sektor awam". Dapatan kajian menunjukkan bahawa etika kerja Islam tidak dapat meningkatkan pengaruh kepimpinan transformasi ke atas tingkah laku kerja inovatif. Dengan erti kata, etika kerja Islam tidak dapat bertindak sebagai pemboleh ubah penyederhana dalam hubungan kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif.

Dalam kajian ini, etika kerja Islam sebagai penyederhana di antara hubungan kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif. Sebagaimana dinyatakan dalam bab 3 (Seksyen 3.3.2) bahawa kajian yang mengkaji etika kerja Islam sebagai pemboleh ubah penyederhana masih sangat terhad, seperti Yousef (2001), Kumar dan Che Rose (2012) dan Shamsudin, Rahman dan Romle (2015). Dan bahkan etika kerja Islam sebagai penyederhana ke atas hubungan kepimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif belum lagi ditemui. Dari carian literatur, pengkaji mendapatkan hanya satu kajian yang menghubungkan etika kerja Islam dengan tingkah laku kerja inovatif iaitu kajian Javed et al. (2016), di mana tingkah laku kerja inovatif merupakan pemboleh ubah pengantara ke atas hubungan etika kerja Islam dan prestasi adaptif. Oleh kerana kajian lepas yang mengkaji etika kerja Islam

sebagai penyederhana hubungan antara kepemimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif di sektor awam maupun swasta belum lagi ditemui, belum dapat ditetapkan apa sebenarnya penyebab etika kerja Islam tidak dapat berlaku sebagai pemboleh ubah penyederhana kepada hubungan kepemimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif.

5.2.3 Kesan pengantara pemeraksanaan psikologi dalam hubungan antara kepemimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif (Objektif 3)

Objektif terakhir kajian ini ialah “Mengenal pasti kesan pengantara pemeraksanaan psikologi dalam hubungan antara kepemimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif di sektor awam”. Dapatan analisis yang dilaporkan dalam Jadual 5.15 (pada Seksyen 5.8.7) menunjukkan bahawa kepemimpinan transformasi mempunyai hubungan langsung dengan tingkah laku kerja inovatif, dan pada masa yang sama, sebahagian dari hubungan ini dipengaruhi oleh faktor pengantara iaitu pemeraksanaan psikologi. Dapatan ini adalah sesuatu yang baharu bila dilihat dari sektor awam, kerana kajian terdahulu didapati dilakukan ke atas sektor swasta (seperti: Afsar et al., 2014; Lei et al., 2011). Dalam kajian Afsar et al. (2014) dan Lei et al. (2011), pemeraksanaan psikologi didapati berperanan sebagai pengantara ke atas hubungan antara kepemimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif (Lei et al., 2011). Berikut ini beberapa penjelasan tentang pemeraksanaan psikologi yang bertindak sebagai pengantara antara hubungan kepemimpinan transformasi dan tingkah laku kerja inovatif.

Pertama, Bass (1999) menekankan pemeraksanaan psikologi sebagai pengantara yang berpotensi untuk kesan kepemimpinan transformasi, kerana kepemimpinan transformasi

bertindak melalui pemerksaan dalam mempengaruhi hasil kerja. Menurut Dvir et al. (2002) dan Kark et al. (2003), pemerksaan adalah salah satu ciri-ciri utama yang membezakan tingkah laku kepimpinan transformasi dari kepimpinan transaksi. Pemerksaan melibatkan delegasi tanggungjawab kepada pengikut dan peningkatan keupayaan mereka untuk berfikir bagi diri mereka dalam menghasilkan idea-idea baru dan kreatif. Pemimpin transformasi menekankan kebebasan dan proaktiviti pengikut, dan strategi pemerksaan yang lebih baik dari kawalan (Conger, 1999; Dvir & Shamir, 2003). Pemimpin transformasi merumuskan dan menyatakan dengan jelas matlamat masa depan yang ideal yang berfungsi untuk memberi tenaga dan mewujudkan rasa pemerksaan kepada pengikut yang menjiwai matlamat ini (Kanungo & Mendonca, 1996).

Kedua, berdasarkan *sosial learning sequences* daripada Davis dan Luthans (1980), iaitu: rangsangan, organisma, perlaku, dan konsekuensi ke atas tingkah laku organisasi (juga yang dirujuk sebagai S-O-B-C), Thomas dan Velthouse (1990) membentangkan suatu model kognitif pemerksaan yang menunjukkan bahawa peristiwa/faktor persekitaran membentuk penilaian tugas individu (dalam kajian ini sebagai pemboleh ubah pemerksaan psikologi) yang berhubungkait dengan rasa kesan, efikasi sendiri, makna, dan autonomi, dan kemudian mempengaruhi tingkah laku. Mengikut perspektif teori ini, pemerksaan psikologi diiktiraf sebagai mekanisme pengantara, di mana faktor persekitaran (iaitu: kepimpinan transformasi) mempengaruhi sikap dan tingkah laku pekerja (iaitu: tingkah laku kerja inovatif) melalui pemerksaan psikologi (Thomas & Velthouse, 1990).

